

" Kualiti Ke Arah Kecemerlangan "

# MAJLIS HARI KUALITI KUTKM

12 SEPTEMBER 2006 (SELASA)  
Dewan Bistari, Ayer Keroh Melaka

**2006**



" Kualiti Ke Arah Kecemerlangan "



**MAJLIS HARI KUALITI  
KUTKM 2006**

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





## KATA ALU-ALUAN REKTOR KUTKM

Assalamualaikum wrt wbt dan salam sejahtera

Kualiti perlu menjadi satu keutamaan bagi membolehkan kita memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna. Dalam konteks KUTKM ini pengguna ialah sesiapa sahaja yang berurusan dengan kita sama ada Kementerian Pengajian Tinggi, universiti – universiti dalam dan luar negara, pihak industri, mahasiswa dan staf yang memerlukan perkhidmatan kita.

Kita perlu memberi perkhidmatan yang terbaik supaya mereka berpuas hati dengan layanan yang diberikan. Dari masa ke semasa kualiti perkhidmatan ini perlu dipertingkatkan supaya kita dapat mewujudkan budaya kecemerlangan di Universiti ini. Untuk itu setiap staf perlu melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan bersungguh-sungguh.

Perkembangan-perkembangan terkini pada peringkat antarabangsa dan negara memerlukan kita memberi perhatian serius terhadap pengurusan Universiti. Semua staf perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran diri supaya menjadi lebih cekap bagi menghadapi perubahan-perubahan yang berlaku. Kita juga perlu berani melaksanakan pembaharuan dan terbuka untuk menerima teguran demi kebaikan bersama.

Banyak kejayaan yang telah KUTKM lakarkan sepanjang tahun lalu. Namun Universiti tidak harus sudah berpuas hati kerana seperti juga kualiti, kejayaan juga merupakan satu kecemerlangan yang berterusan dan tidak statik. Apabila kita telah mencapai sesuatu kejayaan, maka kita perlu berusaha lagi untuk mencapai kejayaan baru. Dengan itu usaha kita tidak ada hadnya untuk terus memperbaiki kualiti perkhidmatan di KUTKM ini.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diadakan hari ini merupakan penghargaan kepada staf yang telah menunjukkan prestasi yang baik sepanjang tahun 2005. Anugerah yang diterima ini perlu dijadikan perangsang kepada staf untuk terus mencurahkan bakti kepada Universiti. Jika kita mengamalkan Budaya Kerja Cemerlang, saya yakin kita akan sentiasa terkehadapan pada setiap masa.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada staf yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, semoga terus memberi perkhidmatan yang cemerlang setiap masa.

Sekian, terima kasih

Datuk Profesor Ismail bin Hassan  
Rektor KUTKM



# VISI KUTKM

Menjadi Universiti Teknikal Yang Kreatif Dan Inovatif Terkemuka Di Dunia

## MISI KUTKM

Melahirkan Ahli Profesional Yang Bersahsiah Murni, Kompeten Dan Berketerampilan Tinggi Melalui Pendidikan Universiti Teknikal Berkualiti Dan Bertaraf Dunia Berteraskan Pengajaran, Pembelajaran Dan Penyelidikan Berorientasikan Aplikasi Serta Perkongsian Pintar Universiti-Industri Seajar Dengan Aspirasi Negara

## OBJEKTIF BARU KUTKM

1. Menjadi Sebuah Organisasi Pembelajaran Dan Keilmuan Yang Kreatif Dan Inovatif Menawarkan Program Akademik Dalam Bidang Kejuruteraan & Teknologi Berorientasikan Aplikasi Dan Amalan.
2. Menerajui Aktiviti Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan / Inovasi Dan Perundingan Yang Berlandaskan Keperluan Industri
3. Melahirkan Graduan Yang Kompeten Dan Bersahsiah Murni Yang Menjadi Pilihan Utama Industri.
4. Mempunyai Staf Yang Kompeten Dan Berkelayakan Tinggi Serta Memiliki Pengalaman Praktikal Yang Luas.
5. Memainkan Peranan Berkesan Sebagai Penggerak Kepada Pembangunan Perindustrian Negara
6. Mengadakan Kerjasama Dan Perkongsian Pintar Universiti-Industri
7. Mengadakan Prasarana Dan Persekitaran Yang Kondusif Untuk Menjana Dan Mengekalkan Kecemerlangan.
8. Melaksanakan Penggunaan ICT Secara Menyeluruh Dan Meluas Dalam Aktiviti Akademik Dan Pengurusan Universiti.

*\*(Berdasarkan resolusi Bengkel Pemurnian Pelan Strategik KUTKM pada 23 & 24 Februari 2006)*





# ATUR CARA

## MAJLIS HARI KUALITI

### KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA 2006

---

- 1.45 tgh - Kehadiran Staf
- 2.10 ptg - Pendaftaran Penerima-penerima Anugerah
- 2.20 ptg - Ketibaan Ahli Lembaga Pengarah dan Pegawai-pegawai Kanan Universiti
- 2.25 ptg - Ketibaan Rektor KUTKM  
*Y.Bhg. Datuk Prof. Ismail bin Hassan*
- 2.30 ptg - Ketibaan Pengerusi Lembaga Pengarah KUTKM  
*Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Saleh bin Sulong*
- 2.35 ptg - Bacaan Doa  
Nyanyian Koir
- 2.40 ptg - Ucapan Alu-aluan oleh Rektor KUTKM
- 2.50 ptg - Ucapan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah KUTKM
- 3.00 ptg - Pelancaran Anugerah Pengurusan Kualiti Perkhidmatan KUTKM & Anugerah Inovasi Perkhidmatan
- Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
- Penyampaian Anugerah Khas Kecemerlangan Sukan
- Sesi Bergambar Penerima-penerima Anugerah
- 5.00 ptg - Jamuan Ringan
- Majlis Bersurai

## PENGANUGERAHAN PERKHIDMATAN CEMERLANG KRITERIA PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan penghargaan Kerajaan kepada anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang atau berkualiti.

Perkhidmatan cemerlang ialah perkhidmatan yang diberikan oleh seseorang staf yang mana mutu atau penghasilannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Perkhidmatan yang diberikan itu boleh dijadikan contoh dan ikutan, serta memberi pengaruh dalam menggerakkan kecergasan bekerja dan daya usaha kepada staf-staf yang lain.

Kerajaan telah melaksanakan Sistem Saraan Malaysia (SSM) berkuat kuasa mulai 1 November 2002. Berikutan dengan pelaksanaan sistem ini, Kerajaan telah menetapkan supaya dasar dan kaedah pemberian APC diubahsuai sewajarnya melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002 'Garis Panduan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Anggota Perkhidmatan Awam'. Dengan itu, mulai daripada keluarnya Pekeliling ini, semua peraturan dan rujukan mengenai pemberian APC hendaklah menggunakan Pekeliling ini.

Dasar dan kaedah berkaitan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dinyatakan dengan ringkas seperti butiran berikut:-

### Kelayakan

- i. Staf yang dilantik untuk berkhidmat dengan agensi awam sama ada secara **tetap, sementara atau kontrak**
- ii. Kelayakan ini meliputi staf yang berada di atas tangga gaji dan syarat-syarat perkhidmatan di bawah laporan Jawatankuasa Kabinet 1976, Sistem Saraan Baru (SSB) dan Sistem Saraan Malaysia
- iii. Staf telah berkhidmat bagi tempoh **genap setahun penuh** pada tarikh terakhir tahun penilaian

### Asas Penilaian

Penilaian terhadap staf bagi tujuan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini wajar diambil dari kalangan mereka yang mendapat markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan 85 peratus dan lebih.





## Bilangan Penerima

- i. Kuota bilangan penerima Anugerah ini bagi setiap agensi tidak melebihi peratus daripada jumlah anggota yang sedang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian berkenaan.
- ii. Sungguhpun begitu, had maksimum ini tidak semestinya dipenuhi jika jumlah anggota yang layak tidak mencukupi
- iii. Dalam konteks KUTKM, memandangkan jumlah keseluruhan staf yang dinilai bagi tahun 2005 ialah 1041 orang, 8 peratus daripada jumlah tersebut ialah 83 orang. Walau bagaimanapun, hanya 80 orang staf yang layak menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kerana terdapat beberapa Pejabat/ Fakulti yang tidak dapat memenuhi kuota 8 peratus masing-masing.

## Insentif dan Hadiah

Insentif dan hadiah yang layak diterima oleh penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ialah:-

- i. Sijil Perkhidmatan Cemerlang;
- ii. Hadiah Prestasi sebanyak RM1,000;
- iii. Peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja;
- iv. Peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat, bintang dan darjah kebesaran Persekutuan dan negeri; dan
- v. Nama dan gambar penerima dipamerkan di pejabat di lokasi yang strategik atau yang biasa dikunjungi orang ramai

Mulai tahun 2006 ini, pihak pengurusan tertinggi Universiti bersetuju untuk memperkenalkan polisi baru iaitu mana-mana staf yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang lebih daripada 3 kali akan menerima satu Anugerah Khas yang mengiktirafkan pencapaian mereka yang unggul itu. Pada tahun ini, seramai 17 orang staf yang pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun-tahun sebelum ini, telah sekali lagi dipilih sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

# ANUGERAH KUALITI KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

Bagi menghargai dan mengiktiraf Pusat Tanggungjawab (PTj) serta individu di Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam usahanya ke arah meningkatkan kualiti, pengurusan universiti melalui Majlis Kualiti telah bersetuju mewujudkan:-

- i. Anugerah Pengurusan Kualiti Perkhidmatan (APKP)
- ii. Anugerah Inovasi Perkhidmatan (AIP)

Dua anugerah pengiktirafan ini, merupakan gerakan usaha universiti untuk mempertingkatkan pembudayaan kualiti di kalanganarganya. Kewujudan akan turut membantu pihak universiti bersedia untuk pencalonan anugerah-anugerah di peringkat tertinggi seperti Anugerah Kualiti Perdana Menteri, Anugerah Khas Perkhidmatan Awam dan Anugerah Inovasi.

## *Anugerah Pengurusan Kualiti Perkhidmatan (APKP)*

APKP merupakan pengiktirafan dan penghargaan tertinggi yang diberikan oleh pihak pengurusan universiti khusus kepada PTj yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam perkhidmatan yang disampaikan.

Antara lain APKP diwujudkan dengan tujuan:

- i. Menggalak dan meningkatkan kesedaran tentang kualiti dalam perkhidmatan.
- ii. Memberi pengiktirafan secara formal kepada PTj yang telah menunjukkan pelaksanaan yang mendalam tentang pengurusan dan peningkatan kualiti serta yang telah mencapai tahap kepimpinan kualiti yang unggul.
- iii. Memberikan publisiti tentang pencapaian yang telah dihasilkan yang terbukti memberikan manfaat supaya dapat diguna pakai oleh semua untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan.
- iv. Menggalakkan persaingan yang sihat dalam penghasilan perkhidmatan di kalangan staf KUTKM.

Kriteria penilaian APKP adalah seperti berikut:

- o Fokus pelanggan
- o Pengurusan proses perkhidmatan
- o Kepimpinan dan penglibatan staf
- o Latihan dan pengiktirafan
- o Pencapaian hasil





Pemenang APKP akan memperoleh:

- o Wang tunai berjumlah RM 5,000.00
- o Sebuah piala pusingan dan piala iringan
- o Sijil Penghargaan

### **Anugerah Inovasi Perkhidmatan (AIP)**

Anugerah ini yang diperkenalkan bagi menggalakkan kreativiti dan daya inovasi di kalangan individu, kumpulan, unit atau PTj. AIP lebih menumpukan penghasilan inovasi dalam perkhidmatan yang dapat meningkatkan kecekapan dalam operasi masing-masing dan proses kerja yang membolehkan kerja-kerja dijalankan dengan lebih lancar dan berkesan.

Anugerah ini diwujudkan dengan tujuan untuk :

- i. Memberi pengiktirafan secara formal kepada individu, kumpulan, unit atau PTj yang telah berjaya memperkenalkan sesuatu inovasi dalam proses kerja
- ii. Memberi publisiti tentang inovasi-inovasi yang telah dilaksanakan dan terbukti mendatangkan manfaat apabila diguna pakai oleh semua untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan
- iii. Menggalakkan usaha penambahbaikan oleh staf KUTKM

Kriteria penilaian seperti berikut :

- o Kreativiti
- o Signifikan
- o Efisien
- o Keberkesanan Kos
- o Boleh Di laksana
- o *Replicability*
- o Komitmen Pengurusan Atasan

Pemenang anugerah yang tidak terhad bilangannya akan menerima anugerah mengikut kategori berikut:-

- o Kategori Emas – Hadiah wang tunai sebanyak RM1,000.00
- o Kategori Perak – Hadiah wang tunai sebanyak RM500.00
- o Kategori Gangsa – Hadiah wang tunai sebanyak RM 200.00 dan;
- o Sijil Penghargaan

## IKRAR INTERGRITI PEGAWAI AWAM

Kami, pegawai awam Malaysia, dengan sepenuh dan rela hati berikrar mempertahankan dan memperkukuhkan intergriti perkhidmatan awam dengan mencegah dan membanteras segala bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan melalui tindakan-tindakan berikut :

- Pertama : Berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah;
- Kedua : Menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada amalan rasuah;
- Ketiga : Bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang sebarang perlakuan jenayah rasuah;
- Keempat : Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak yang memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah;
- Kelima : Bertindak tegas terhadap mereka yang cuba menggugat intergriti dan imej pegawai awam; dan
- Keenam : Mematuhi sepenuhnya kod etika jabatan dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran agama dalam melaksanakan tugas.





## KUTKM TERBILANG

Di sini segala bermula  
Cemerlang mencipta gemilang  
Bertuah bumiku menyaksi  
Bersama kita berjuang

Tersohor persada dunia  
Senada wawasan negara  
Melahir insan luhur jiwa  
Mampan menambat dunia

Perkongsian pintar  
Universiti dan industri  
Kreatif inovatif  
Pembelajaran teras  
Aplikasi dan kompetensi  
Tekad mencapai visi

Demi semangat negara  
Kami mencurah bakti  
Nasib pertiwi terus dibela  
Kepada ibunda kami berjanji

KUTKM ku cemerlang  
KUTKM ku gemilang  
KUTKM ku terbilang  
KUTKM terus berjuang

## PERKHIDMATAN AWAM

Kita memegang amanah bangsa  
Kita juga telah berikrar  
Taat setia, korban tenaga  
Bela bangsa dan negara

Etika kerja, kita amalkan  
Tekun, jujur dan berbudaya  
Gandakan hasil dan  
pembangunan

Berkhidmat, bakti berjasa

Agama asas pegangan  
Perlembagaan negara dijunjung  
Rukun negara jadi pedoman

Kitalah benteng Malaysia

## KUALITI

Apa saja yang susah  
Akan menjadi mudah  
Sekiranya semua  
Bersatu berusaha

Kualiti teras kejayaan  
Bertambah keuntungan  
Kerja seikhlas hati  
Sempurna pekerjaan

Kita bantu membantu,  
bertukar-tukar fikiran  
Bersatu kita maju, ke arah  
kemakmuran  
Kita tegur menegur, kerana  
kebaikan  
Berusaha dengan jujur mencapai  
kejayaan







**Mariaty binti Mohd Saat**  
**Pembantu Tadbir (Kewangan), Canselori**

Mariaty amat bersyukur ke hadrat Illahi apabila diumumkan sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005. Beliau mula bertugas di KUTKM pada 5 April 2004 sebagai Pembantu Tadbir (Kewangan), di Pejabat Canselori. Rutin hariannya meliputi tugas-tugas kewangan seperti menyelenggara buku vot, mendaftarkan permohonan pembelian dan pembayaran di samping mengemaskini sistem pemfailan kewangan.

Selain itu, beliau turut membantu di dalam urusan pentadbiran am di samping terlibat dalam urusan protokol bagi majlis-majlis rasmi yang dianjurkan oleh KUTKM. Dalam melaksanakan tugas, beliau sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang cepat, tepat dan terbaik kepada pelanggan.

Mariaty amat berterima kasih kepada rakan-rakan di Pejabat Canselori dan Pejabat Bendahari serta keluarga, yang banyak memberi tunjuk ajar serta sokongan. Sesungguhnya anugerah ini amat bermakna bagi beliau dan ia merupakan satu tanggungjawab untuk beliau mengekalkan dan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang cemerlang.





## Idamurni binti Ismail Penolong Pendaftar, Pejabat Pendaftar

Sepanjang tahun 2005, Idamurni yang ditempatkan di Unit Urus Setia LPU, Bahagian Keutuhan Pengurusan, telah dipertanggungjawabkan menguruskan mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti dan menguruskan perhubungan dan kebajikan ahli-ahli LPU. Unit tersebut juga bertanggungjawab menguruskan pelaksanaan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan seluruh warga Universiti, urusan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, pemberian Anjakan Gaji dan turut menjadi urus setia Majlis Hari Kualiti saban tahun. Tahun 2005 agak mencabar bagi Unit tersebut kerana pada tahun itu juga, Unit tersebut diarahkan menjadi Urus Setia Majlis Pemasyuhuran Canselor & Konvokesyen Pertama KUTKM. Segala urusan berkaitan penganjuran Majlis tersebut perlu diuruskan atau diselarasakan oleh Unit Urus Setia LPU ini yang hanya mempunyai kekuatan dua orang staf sahaja. Dalam tahun 2005 juga, Unit ini telah bertungkus-lumus dan bergandingan bahu dengan Pusat Komputer untuk memperkenalkan pelaksanaan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan Sasaran Kerja Tahunan secara online melalui SMSM (Modul Penilaian Prestasi). Sememangnya lumrah hidup untuk menempuh banyak cabaran dan masalah dalam mengusahakan sesuatu perkara yang baru, akan tetapi ibarat kata pepatah 'alah bisa, tegal biasa' dan kini, Sistem ini telah digunapakai oleh semua staf secara menyeluruh.

Idamurni turut melibatkan diri dalam bidang sukan dengan menyertai pasukan Pejabat Pendaftar dalam sukan bola jaring, bola tampar dan badminton semasa Kejohanan Sukan Antara Jabatan. Menurut beliau, sungguhpun kemahiran beliau dalam bidang sukan adalah terhad, setidak-tidaknya penyertaannya telah menunjukkan sokongannya kepada rakan-rakan sepasukan dan semangat kesukanan itu lebih penting daripada kemenangan.

Bagi Idamurni, penganugerahan yang diterima ini hanyalah rezeki semata-mata kerana baginya belum cukup ilmu di dada, masih seluas benua pengalaman yang perlu ditempuhnya.



**Misdom bin Lan**  
**Penolong Pendaftar, Bahagian Pengurusan Akademik,**  
**Pejabat Pendaftar**

Walaupun Misdom hanya menyertai KUTKM sejak 2 Jun 2003, tetapi beliau bukanlah baru dalam perkhidmatan awam. Beliau telah berkhidmat dengan UiTM, Shah Alam sebelum ini sejak 1985. Sepanjang perkhidmatan di KUTKM, beliau telah menguruskan pengambilan pelajar dan menguruskan rekod pelajar KUTKM. Beliau turut terlibat dalam promosi kemasukan pelajar dari politeknik dan matrikulasi di seluruh Malaysia untuk menyertai KUTKM.

Misdom sangat aktif dalam bidang sukan. Beliau telah menyumbangkan tenaga dalam pasukan bola tampar lelaki dan pasukan badminton Pejabat Pendaftar. Di peringkat Universiti, beliau dilantik sebagai pengurus pasukan bola tampar staf (lelaki dan wanita). Misdom dilantik sebagai urus setia Majlis Konvokesyen saban tahun dan boleh dikatakan tulang belakang kepada majlis tersebut. Beliau kerap bertindak sebagai fasilitator kursus-kursus dalaman Universiti.







**Zaimi bin Zol**  
**Pengawal Keselamatan Kanan, Pejabat Pendaftar**

Zaimi memulakan tugas di KUTKM sebagai Pengawal Keselamatan pada 18 April 2001 dan dinaikkan pangkat ke Pengawal Keselamatan Kanan pada 30 Disember 2003. Kenaikan pangkat itu dilaksanakan setelah menunjukkan komitmen dan pretasi kerja yang tinggi. Kini, beliau diberi kepercayaan untuk melakukan tugas-tugas pentadbiran/ operasi di pejabat Bahagian Keselamatan.

Beliau amat bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya, terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005. Beliau amat berterima kasih kepada seluruh warga Bahagian Keselamatan yang selama ini memberi sokongan dan dorongan yang tidak berbelah bahagi membantu beliau dalam menjayakan tugas-tugas harian.

Zaimi telah diberi kepercayaan oleh Pegawai Keselamatan untuk menjadi pengurus pasukan pada Kejohanan Sukan Staf Keselamatan IPTA Malaysia 2005, yang berlangsung di USM Pulau Pinang. Di dalam kejohanan tersebut acara ping pong dan badminton KUTKM telah berjaya ke peringkat separuh akhir. Selaian dari itu beliau juga terlibat dalam membantu menjayakan Minggu Haluan Siswa, Majlis Konvokesyen dan juga majlis majlis lain yang dianjurkan di peringkat Universiti.





**Nurhayati binti Mohd Shariff  
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan),  
Pejabat Pendaftar**

Nurhayati yang bertugas di Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) Pejabat Pendaftar, melahirkan kesyukuran kerana terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini bagi kali kedua. Kali pertama beliau menerima anugerah yang sama untuk 2004.

Beliau mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang telah bekerjasama dengannya dan memberi dorongan terutamanya semua staf Bahagian Pengurusan Akademik dan Pejabat Pendaftar. Anugerah ini akan menjadi perangsang kepadanya bagi memajukan diri sejajar dengan kemajuan KUTKM.

Selain menjalankan tugas rutin kesetiausahaan, Nurhayati turut terlibat dalam beberapa aktiviti lain seperti urusan pengambilan pelajar baru, Majlis Pengisytiharan Pelantikan Canselor dan Majlis Konvokesyen Pertama KUTKM, petugas sempena Pameran dan Promosi IPT dan merupakan Ahli Jawatankuasa Kecil Tetap Pelaksana PUSPANITA.

Beliau adalah antara staf KUTKM yang aktif dalam bersukan dan terlibat sebagai urus setia Sukan Staf Antara Jabatan 2005 bagi sukan Bola Tampar. Nurhayati pernah mewakili Pejabat Pendaftar dalam acara boling, ping pong, badminton dan bola tampar.







**Masdzarif bin Mahat**  
**Penolong Pendaftar, Pejabat Pendaftar**

Pertama sekali, Masdzarif ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT yang telah memberikan banyak kenikmatan kepadanya selama ini. Kedua, kejayaan ini ingin beliau kongsi bersama-sama dengan isteri dan anak-anak yang tidak putus-putus berdoa dan memberi sokongan serta dorongan untuknya menjalankan tugas yang diamanahkan dengan penuh rasa ikhlas dan tanggungjawab.

Juga tidak dilupakan kepada pihak pengurusan universiti dan rakan-rakan yang membantu sama ada dari segi pandangan, dorongan serta material.

Di dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan, Masdzarif sentiasa berpegang kepada prinsip bahawa apa saja yang dilakukan adalah satu ibadah yang mesti dilaksanakan dengan ikhlas dan yakin dengan ketentuannya. Oleh itu, segala proses pelaksanaan sama ada peperiksaan atau kursus dan hal-hal yang bersangkutan paut dengan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) akan dilakukan dengan penuh rasa tanggungjawab supaya hasilnya akan memberi kepuasan kepada pelanggan. Beliau melahirkan rasa syukur kerana terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005.

Di samping melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan, beliau turut terlibat dalam membantu Universiti dan juga Pejabat Pendaftar di dalam melaksanakan beberapa program anjuran Universiti serta luar. Antaranya sebagai Ahli Jawatankuasa Sambutan dan Fasilitator bagi Majlis Konvokesyen, Majlis Konvensyen Komuniti PPA, Orientasi Staf Baru & Akujanji dan Kursus Induksi Umum dan Khusus.

Menurut beliau, sesungguhnya untuk memajukan agama, bangsa dan negara adalah bermula dari diri kita sendiri. Secara tidak langsung apa yang kita lakukan dengan ikhlas dan bertanggungjawab akan membolehkan keluarga, saudara mara serta rakan-rakan kita dapat menikmati kemakmuran dan kemajuan yang dicapai oleh negara sekarang.







**Hj Razali bin Abd Jalil,  
Juruteknik Kanan, Pejabat Pendaftar**

Selaras dengan perkembangan Universiti dalam pembangunan modal insan, pemilihan untuk menerima anugerah kecemerlangan ini telah membolehkan penerima anugerah pada tahun-tahun terdahulu layak untuk menerimanya sekali lagi pada tahun ini. Walau bagaimanapun penganugerahan ini bergantung kepada penilaian oleh panel pemilihan.

Sehubungan dengan itu, Hj Razali merupakan salah seorang daripada penerima anugerah yang terlibat dalam pemilihan berdasarkan format di atas. Beliau pernah menerima anugerah ini untuk 2004. Memandangkan sumbangan cemerlang yang berterusan, maka panel pemilihan telah bersetuju untuk menganugerahkan sekali lagi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005 kepada beliau.

Beliau merasa sungguh terharu dengan anugerah yang di berikan dan ingin berkongsi bersama-sama dengan keluarga dan rakan sekerja. Menurutnya, mereka inilah yang banyak membantu dan mendorongnya dalam mencorakkan kecemerlangan prestasi kerja dan kesinambungan dalam mengekalkan prestasi kerja beliau. Keikhlasan semasa bekerja merupakan pegangan beliau dan cabaran kerja merupakan motivasi dalam menyempurnakan amanah.

Semoga keikhlasan dan kegigihan beliau dalam melaksanakan segala amanah dan tugas akan mencetuskan inspirasi kepada rakan sekerja khususnya dan seluruh warga Universiti amnya.



Siti Suhailah bte Zaini  
Pembantu Tadbir (P/O), Pejabat Pendaftar

Siti Suhailah mula berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir (P/O) di Unit Penilaian Tahap Kecekapan (PTK), Bahagian Pembangunan Organisasi dan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar pada 3 Julai 2003. Sepanjang perkhidmatannya, beliau banyak terlibat dalam membantu dari awal proses pengendalian dan penyediaan dokumentasi serta membantu pegawai dalam mengenalpasti staf-staf yang layak untuk menduduki kursus dan peperiksaan PTK.

Beliau sering terlibat sebagai urusetia dalam menjayakan bengkel dan kursus, di samping menyelaras permohonan staf untuk menghadiri Kursus Kenegaraan anjuran Biro Tatanegara.

Kesungguhan Siti Suhailah untuk melibatkan diri dalam program-program diperingkat Pejabat Pendaftar telah memberi peluang untuknya membantu dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim di kalangan rakan-rakan setugas. Beliau pernah dilantik sebagai Ketua Biro Kebajikan bagi AJK Penaja Kelab Pejabat Pendaftar dan Ahli Jawatankuasa Pelaksana Majlis Konvokesyen Pertama KUTKM pada 2005.

Siti Suhailah amat bersyukur kehadiran Allah SWT kerana dengan keizinanNya telah terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005. Beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga KUTKM di atas segala tunjuk ajar, kerjasama, dorongan dan sokongan, khususnya kepada warga Pejabat Pendaftar.

Anugerah ini menjadi pemangkin kepada beliau untuk terus berusaha menambahbaikkan segala amanah dan tanggungjawab yang diberikan dan terus menabur bakti untuk KUTKM. Semoga niat yang baik dari hati yang ikhlas akan menjadikan tugas yang dilaksanakan mendapat keberkatanNya.







**Norafizah binti Md. Nor**  
**Pembantu Tadbir (P/ O), Pejabat Pendaftar**

Norafizah atau lebih dikenali sebagai Fyza, mula berkhidmat di KUTKM pada 15 Mac 2004 dan ditempatkan di Pejabat Pendaftar di Unit Pengurusan Saraan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM). Beliau melahirkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005.

Tugas dan tanggungjawab beliau antara lain ialah membantu urusan menyediakan Penyata Perubahan Pendapatan Staf (Kew. 8) seperti arahan bayaran gaji dan emolomen kepada staf baru yang melaporkan diri di KUTKM, potongan gaji, bayaran pelarasan semula gaji permulaan dan pelbagai potongan gaji terhadap staf seperti yang diarahkan oleh pihak Pengurusan Universiti.

Fyza juga bertanggungjawab dalam membantu urusan menyediakan penyata perubahan pendapatan (Kew.8) selain elaan menanggungkan kerja dan pemangkuan, pengurusan pelbagai elaan dalam perkhidmatan awam, menguruskan pergerakan gaji tahunan pada setiap bulan Januari, April, Julai dan Oktober, serta anjakan gaji, dan menguruskan bayaran Imbuan Tahunan staf.

Beliau turut aktif bersukan dan mewakili KUTKM dalam Sukan Staf Antara IPTA dalam acara olahraga. Fyza juga adalah ahli kumpulan koir KUTKM.







**Mohd Rozaihan bin Yunos**  
**Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi),**  
**Bahagian Pengurusan Akademik,**  
**Pejabat Pendaftar**

Mohd Rozaihan yang berkhidmat di Bahagian Pengurusan Akademik, Pejabat Pendaftar, selain melaksanakan kerja-kerja perkeranian dan pengoperasian, turut terlibat dalam urusan pengambilan pelajar baru, promosi & pameran anjuran Kementerian Pengajian Tinggi, dan Majlis Pengisytiharan Pelantikan Canselor dan Majlis Konvokesyen Pertama selaku pembantu Pengarah Pentas

Beliau melahirkan rasa syukur ke hadrat Illahi di atas pemilihannya sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005 ini. Sesungguhnya ini adalah perangsang agar dirinya bekerja dengan lebih tekun lagi.

Mohd Rozaihan juga aktif dalam sukan dengan mewakili Pejabat Pendaftar dalam acara badminton dan bola sepak semasa Sukan Staf Antara Jabatan 2005 di samping menjadi urus setia bagi acara bola tampar.

Sokongan, bantuan dan tunjuk ajar rakan-rakan terutamanya di Bahagian Pengurusan Akademik banyak mendorongnya memberi khidmat terbaik di kalangan yang terbaik. Namun demikian, beliau sedar bahawa banyak lagi ilmu yang perlu ditimba bagi memantapkan lagi prestasi kerjayanya dari semasa ke semasa.





**Noridah binti Talib**  
**Penolong Akauntan Kanan, Pejabat Bendahari**

Noridah berpegang kepada prinsip menjalankan tugas secara jujur, ikhlas dan tidak mencampuradukkan dengan kepentingan peribadi kini bertugas di Unit Perolehan, Pejabat Bendahari. Baginya, kerjasama dari semua staf Pejabat Bendahari juga memberi kekuatan dan semangat dalam menerima cabaran dan menyelesaikan segala permasalahan yang timbul.

Alhamdulillah katanya apabila mengetahui namanya tersenarai sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005. Mungkin katanya, dengan pengalaman yang diperolehi sejak dari mula bertugas telah banyak membantu melancarkan tugas yang diamanahkan kepadanya dan rakan-rakan.

Sepanjang 2005, Noridah dipertanggungjawabkan membantu Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga, Mesyuarat Lembaga Perolehan dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perolehan. Di samping itu, beliau juga membantu Unit Bajet, Pejabat Bendahari dalam penyediaan laporan berkaitan dengan bajet tahunan KUTKM.

Di samping tugas harian, beliau turut membantu Pejabat Bendahari menjuarai acara Karom dalam Sukan Antara Jabatan KUTKM 2005.





**Surayah binti Sae**  
**Penolong Akauntan, Pejabat Bendahari**

Alhamdulillah. Beliau bersyukur ke hadrat Illahi di atas penganugerahan ini. Menurut Surayah, kerja merupakan satu amanah dan ibadah. Oleh itu, beliau menganggap anugerah ini sebagai salah satu dorongan dan galakan yang berterusan dalam menyempurnakan amanah bermula dari mula beliau berkhidmat pada 2 April 2001 di samping sokongan dari suami tersayang dan tunjuk ajar dari rakan-rakan setugas.

Sebagai Penolong Akauntan di Unit Pembayaran, Pejabat Bendahari, beliau meletakkan tanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan setiap urusan pembayaran yang dilaksanakan adalah benar-benar telus dan mematuhi peraturan serta pekeliling kerajaan yang telah ditetapkan. Perkara utama yang perlu dititikberatkan dan tidak boleh dipandang ringan ialah nilai integriti dalam menguruskan kewangan Universiti. Kepentingan peribadi seharusnya diketepikan dan tidak boleh dicampuradukkan.

Sekiranya individu meletakkan niat dan tujuan yang jelas dalam melaksanakan tugas, seluruh warga Universiti adalah cemerlang. Insha-Allah.







**Aslinda binti Suandi**  
**Penolong Akauntan, Pejabat Bendahari**

Aslinda memulakan tugas di Unit Rekod Aset dan Stor, Pejabat Bendahari pada 11 Mac 2002 dengan berbekalkan pengetahuan dan pengalaman di bahagian pentadbiran dan kewangan di sebuah syarikat swasta sebelum ini. Tarikh ini adalah sejarah dalam hidupnya kerana berhijrah untuk beramal sebagai seorang penjawat awam.

Beliau bersyukur, kerana dapat membantu pengurusan dari sudut merekod dan menyelenggara daftar harta dan inventori. Apabila ditukarkan ke Unit Pembayaran, lebih mematangkan beliau dalam melaksanakan pengurusan kewangan dan memastikan pelanggan sentiasa berpuashati dengan perkhidmatan kewangan yang diberikan. Syukur kerana diberikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005 katanya. Bagi beliau penganugerahan ini tidak akan dikecapi tanpa sokongan ketua jabatan, keluarga dan rakan-rakan. Beliau mengucapkan ribuan terima kasih dan berazam untuk terus gigih berusaha meningkatkan mutu kerja ke arah perkhidmatan yang lebih cemerlang.

Aslinda adalah AJK yang menjaga kebajikan dan sosial rakan-rakan sepejabatnya serta membantu menyumbang usaha dan tenaga mewakili jabatan dalam sesuatu aktiviti sukan. Manakala di peringkat universiti, beliau pernah membantu menaikkan nama KUTKM melalui Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti-universiti Malaysia dalam acara bola jarring.

Prinsip beliau untuk mencapai kejayaan ialah disiplin diri, pengurusan masa dan konsep kerja berkumpulan sebagai faktor utama. Dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan, beliau lebih suka berbincang bersama-sama rakan dan berusaha memastikan masalah yang sama tidak berulang.





**Azzilla binti Ahmad**  
**Pegawai Kewangan, Pejabat Bendahari**

Azzilla melahirkan rasa syukur dan berbesar hati kerana telah dipilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang untuk kali kedua pada tahun ini. Beliau menerima anugerah yang sama pada 2004. Kejayaan yang beliau raih adalah hasil kerja keras dan dedikasi serta sokongan dari pegawai atasan dan rakan-rakan.

Dalam melaksanakan tugas harian beliau akan memastikan kerja yang dilaksanakan adalah yang terbaik. Beliau tidak lokek menyumbang idea dan pengetahuan serta sering berbincang dengan rakan sekerja dengan hasrat agar Pejabat Bendahari terus cemerlang dalam memberikan perkhidmatan kepada pelanggan. Antaranya, Azzilla berjaya mengaturkan pertemuan antara pegawai Pejabat Bendahari dengan pegawai dari Kementerian Kewangan untuk membincangkan aliran tunai Universiti bagi meningkatkan kefahaman dalam menyediakan laporan yang berkaitan.

2005 merupakan tahun yang agak mencabar kerana beliau bertanggung jawab memastikan Bajet Mengurus Dwi Tahunan 2006 & 2007 bagi KUTKM dapat disiapkan. Beliau membuat perancangan rapi serta menyampaikan maklumat penyediaan bajet kepada semua PTj. Hasil kerjasama dari semua pihak yang terlibat, bajet Dwi Tahunan tersebut telah dapat disiapkan mengikut mengikut tarikh yang ditetapkan oleh kementerian .

Tugas seharian yang dilaksanakan tidak membataskan beliau menjalankan lain-lain tugas sampingan yang diamanahkan. Beliau telah dilantik sebagai Auditor Dalam Program MS ISO 9001:2000, Penyedia Dokumen ISO 9000 Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia bagi prosedur Bajet dan Perolehan, Penceramah Sambilan untuk Kursus *Modified Budget System* dan Penyelenggaraan Buku Vot.







**Zainal bin Mahadi**  
**Juruteknik,**  
**Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset**

Zainal mula berkhidmat di Fakulti Kejuruteraan Elektrik pada Mac 2002 sebelum ditukarkan ke Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset pada Februari 2003. Tugasnya di Unit Elektrik merangkumi kerja-kerja penyelenggaraan, pemasangan dan baik pulih semua yang berkaitan dengan kerja-kerja elektrik di samping menyelia kerja-kerja kontraktor elektrik.

Beliau bersyukur kehadiran Illahi kerana terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005. Terima kasih juga katanya, kepada Pengarah dan rakan-rakan terutama kepada ketua unitnya serta pihak Universiti, yang telah memberinya peluang, kepercayaan dan kebebasan melaksanakan tugas yang diamanahkan. Menurutnya, sokongan dan dorongan daripada keluarga juga tidak dinafikan banyak membantu beliau.

Berkat iltizam yang sentiasa beliau tanamkan, menimbulkan semangat untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik tanpa mengira masa. Menurutnya, semua itu adalah hasil daripada pengalamannya ketika bertugas di sektor swasta di dalam dan luar negara.

Berdasarkan pengalaman yang luar, beliau telah dilantik sebagai fasilitator sambil bagi mata pelajaran Bengkel Kejuruteraan (Pendawaian Elektrik Domestik dan Industri) untuk pelajar diploma FKEKK dan FKE serta pelajar ijazah Sarjana Muda FKE untuk bengkel semester khas. Beliau juga pernah menganggotai panel elektrikal dalam pembangunan makmal FKE di Kampus Tetap dan kerja-kerja perundingan projek perolehan dan pentauliahian peralatan lapan Institut kemahiran Belia Negara (IKBN). Zainal juga adalah pemain bola tampar dan





**Norzalina binti Anuar**  
**Juruteknik Arkitek,**  
**Pejabat Pembangunan & Pengurusan Aset**

Norzalina yang bertugas sebagai Juruteknik Arkitek, telah diberikan tugas yang mencabar iaitu membantu unit pembinaan bagi penyeliaan kerja-kerja *design & built* di kampus tetap KUTKM. Walaupun begitu, menurutnya, melaksanakan tugas itu banyak memberi kepuasan dan pembelajaran tentang pembinaan bangunan.

Beliau bersyukur ke hadirat Ilahi kerana dengan izinya, beliau terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005.

Ucapan jutaan terima kasih beliau kepada Pengarah Pejabat Pembangunan & Pengurusan Aset serta para Pegawai kerana telah memberi kepercayaan kepadanya dalam menjalankan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Tugasan hakiki beliau ialah memantau ubah suai ruang di Kampus Industri, di samping membantu Unit Arkitek melaksanakan pembekalan perabot, dan seterusnya memastikan proses perpindahan perabot dari kampus sementara di rumah kedai Taman Tasik Utama ke Kampus Industri. Selain itu beliau turut membantu dalam melaksanakan majlis rasmi universiti. Menurut Norzalina, beliau akan menerima tugas dan tanggungjawab yang diarahkan dari semasa ke semasa dengan penumpuan untuk menyelesaikan tugas itu dengan secepat mungkin. Daya usaha untuk terus belajar dari semua pihak terlibat akhirnya mendatangkan pulangan dan hasil yang membanggakan.

Beliau berharap agar dapat melaksanakan tugas dengan lebih baik pada masa akan datang. Kecemerlangan pada 2005 bukanlah atas usaha beliau seorang. Tanpa rakan-rakan seperjuangan di pejabat beliau berpendapat tidak mungkin dapat melaksanakan tugas harian. Norzalina juga mengucapkan terima kasih kepada suami tercinta walaupun berjauhan namun semangat yang diberikan bersama anak kesayangan menjadi peningkat semangatnya sewaktu berkerja.







**Nasri bin Md. Yusof**  
**Juruteknik Awam,**  
**Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset**

Nasri bertugas di Unit Penyelenggaraan Awam sejak April 2004 dan pengalaman berkhidmat di sektor awam dan swasta sebelum ini, telah banyak menyumbang tenaga dan idea dalam melaksanakan tugas harian dan menepati keperluan dan kehendak pelanggan. Antara tugas beliau ialah menyusun, menyelaras dan mengenal pasti kerosakan ketika kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih bangunan, menyelia kerja-kerja kontraktor. Beliau juga dipertanggungjawabkan untuk menerima dan mengurus Sistem Laporan Kerosakan (SLK) bagi Kampus Industri.

Pemilihan beliau untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005 adalah satu dorongan dan galakan dan beliau bersyukur kepada Allah SWT. Terima kasih kepada seluruh warga Pejabat Pembangunan dan KUTKM amnya kerana memberi kepercayaan kepadanya selama ini.

Nasri turut melaksanakan tugas lain yang diamanahkan antaranya ialah sebagai AJK Perpindahan Kampus Sementara ke Kampus Industri. Beliau juga adalah salah seorang 'tulang belakang' yang berusaha membangunkan sukan karom sehingga dilantik sebagai Ketua Penyelaras Teknikal Kelab Karom KUTKM. Mewakili KUTKM dalam acara karom pada Kejohanan Sukan Staf Universiti-universiti Malaysia, Kejohanan Karom Jemputan PKNS dan mewakili Pejabat Pembangunan pada Sukan Staf KUTKM.



Azlinda bte Mohd Yunus  
Pembantu Teknik Arkitek,  
Pejabat Pejabat Pembangunan & Pengurusan Aset

Tahun 2005 menambahkan koleksi kenangan manis buat diri Azlinda kerana selain kelahiran Nurin Afriena binti Nor Azizi pada 5 April, sesungguhnya terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang buat kali kedua merupakan pengiktirafan yang begitu bermakna. Beliau bersyukur kerana inilah dinamakan rezeki anak dan ternyata ia menzahirkan satu mekanisme dalam dirinya agar melaksanakan tugas dengan lebih efisien, cemerlang, gemilang dan terbilang.

Menurut beliau, 2005 dilalui dengan penuh cabaran kerana peralihan tugas pembekalan perabot daripada Pejabat Bendahari kepada Pejabat Pembangunan pada Mac. Unit Arkitek diberi dua tanggungjawab iaitu reka bentuk dan perabot yang mengundang seribu macam masalah di samping bajet dan rakan setugas yang terhad. Di tambah lagi dengan kesibukan perpindahan KUTKM dari rumah kedai Taman Tasik Utama ke Kampus Industri. Menurutnya, segalanya memeningkan terutama untuk memastikan keperluan perabot dan ubah suai ruang bagi pembelajaran dan pengajaran adalah mencukupi seterusnya memastikan semua PTj mendapat keperluan asas yang sewajarnya.

Azlinda juga aktif bersukan dan menyertai hampir semua acara dalam Kejohanan Sukan Antara Jabatan kerana memberi kepuasan kepadanya di samping dapat melepaskan tekanan dan tegangan. Walaupun demikian, beliau tidak melupakan kejayaannya itu adalah hasil sokongan padu dan tunjuk ajar daripada ketua jabatan, ketua unit, pegawai-pegawai lain, rakan-rakan seperjuangan dan keprihatinan suami dan keluarga. Ini kerana mereka, suntikan semangat terbina seterusnya menambah kemantapan kerjaya beliau.







**Abdul Wahab bin Harun**  
**Arkitek Lanskap,**  
**Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset**

Pengalaman Abdul Wahab di Jabatan Perancangan Bandar Persekutuan sebelum ini telah banyak dicurahkan bagi merancang dan membangunkan Kampus Induk KUTKM di Durian Tunggal. Beliau sering menyumbang input-input teknikal dalam pembangunan fizikal kampus Universiti.

Beliau beranggapan bahawa mengambil endah dan prihatin ke arah mewujudkan alam datar yang menyenangkan serta memberi keselesaan kepada warga Universiti adalah melalui pengekalan dan pengwujudan kawasan hijau yang tersusun. Beliau bersyukur kerana terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005.

Abdul Wahab kerap terlibat dengan persiapan dan logistik bagi pelbagai upacara utama Universiti di samping melaksanakan tugas dan tanggungjawab hakiki. Beliau juga aktif dalam sukan kerana percaya bahawa sukan dan rekreasi dapat membentuk keyakinan diri dan memberikan faedah kepada diri dan organisasi.

Baginya, pesanan orang tua dan semangat kerjasama antara staf di Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset, menjadi kekuatan dalam melaksanakan setiap tugas di Universiti sejak berkhidmat pada Julai 2001.





**Ismail bin Hamid**  
**Pekerja Rendah Awam,**  
**Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset**

Ismail yang bertugas di Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset pada 11 Jun 2001, terlibat dalam kerja-kerja penyelenggaraan elektrik, telefon dan audio visual, di samping membuat kerja-kerja penyelenggaraan awam dan bangunan, menghantar surat, membantu kerja-kerja persiapan majlis rasmi universiti dan aktiviti-aktiviti pelajar.

Beliau bersyukur kehadiran Illahi dan berterima kasih kepada Pengarah dan rakan-rakan terutama kepada ketua unitnya serta pihak Universiti, yang telah banyak mengajar dan membantunya dalam melaksanakan tugas seharian. Beliau ingin berkongsi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005 ini bersama dengan keluarga tersayang kerana telah banyak berkorban dan memahami terhadap tugasnya selama berkhidmat dengan Universiti ini.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya, Ismail berpeluang meraih segala bentuk pengalaman kerja serta menyumbang tenaga dan idea kepada staf-staf yang baru berkhidmat di pejabat ini. Di atas pengalaman itu beliau pernah ditugaskan untuk menyelia kerja-kerja persiapan dan pemasangan bagi aktiviti-aktiviti pelajar dan program universiti semasa ketiadaan ketua unit.

Beliau juga aktif dalam sukan dan pernah mewakili Universiti dalam acara tarik tali pada Kejuhanan Sukan Staf Antara Universiti-universiti Malaysia dan Sukan Staf antara Jabatan.







**Suhaili binti Sallehuddin**  
**Penolong Pendaftar,**  
**Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset**

Berbekalkan pengalaman kira-kira empat tahun di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Suhaili yang bertugas sebagai Penolong Pendaftar pada 3 Mac 2001, telah diberi kepercayaan untuk menguruskan pengambilan pertama staf KUTKM. Menurutnya, pengalaman itulah yang digunakan sepenuhnya untuk bersama-sama rakannya untuk memajukan KUTKM. Kemudian pada 1 November 2004, beliau ditukarkan ke Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset.

Syukur kepada Allah SWT katanya, walaupun cabaran di pejabat ini adalah satu transformasi yang agak sukar pada peringkat awalnya, beliau dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sebaiknya. Beliau bersyukur kerana terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005 dan menyifatkan kejayaan itu adalah berkat doa dan sokongan insan tercinta, keluarga dan warga Pejabat Pembangunan.

Menurut Suhaili, wujudnya sokongan semua pihak di Universiti adalah kerana semangat setiakawan yang amat erat. Tunjuk ajar daripada ketua jabatan dan pertolongan mereka yang tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar, merupakan faktor utama kejayaannya pada masa ini.

Beliau menyifatkan jalinan erat yang ada kini, umpama satu jalinan yang tidak dapat dipisahkan, antara pihak pengurusan dan pihak kepimpinan. Semangat kerjasama semua staf pasti akan membawa KUTKM ke arah yang cemerlang, gemilang dan terbilang.





**Norlela binti Rosnan**  
**Pembantu Teknik,**  
**Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset**

Norlela yang berkhidmat sebagai Pembantu Teknik di Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset sejak 2002, adalah staf yang berpengalaman dalam bidang teknikal pembinaan kerana pernah berkhidmat di beberapa syarikat kontraktor. Pemilihannya untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005 adalah satu yang membanggakan dan beliau bersyukur kepada Allah SWT.

Kini bertugas di Unit Kontrak bagi membantu proses pra-kontrak dan post-kontrak dalam menjalankan perolehan kerajaan yang melibatkan pemanggilan kerja, perkhidmatan dan bekalan. Walaupun dengan tenaga staf yang terhad, beliau dan staf yang ada mengharungi dan menerima tanggungjawab untuk menyiapkan perkhidmatan kontrak kepada semua unit-unit kerja seperti pembinaan, landskap, arkitektural, penyelenggaraan, mekanikal dan elektrik.

Skop tugas dan tanggungjawab beliau merangkumi keseluruhan tugas kontrak kerja bagi pembangunan di Kampus Induk di Durian Tunggal, Kampus Industri di Ayer Keroh dan Kampus Bandar di Jalan Hang Tuah.

Norlela berkata, penerimaan anugerah ini adalah satu penghargaan yang tinggi untuk suami dan dua cahaya mata tercinta kerana restu mereka yang memahami tugasnya dan berkorban masa, serta memberi sokongan padu yang tidak berbelah-bagi kepadanya. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Ketua Jabatan yang pro-aktif dan peka terhadap persekitaran staf serta terima kasih juga buat para pegawai dan rakan-rakan kerja yang sangat komited dalam sama-sama membantu memikul tugas yang dipertanggungjawabkan oleh universiti.





**Norasikin bte Md. Isa**  
**Pembantu Belia & Sukan,**  
**Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni**

Norasikin yang berkhidmat di Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, menyifatkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005 yang diterimanya, bukan hanya satu penghargaan bagi dirinya tetapi adalah satu tanggungjawab. Namun beliau amat bersyukur dan berterima kasih di atas penganugerahan yang diberikan dan akan sentiasa berusaha mengekalkan mutu perkhidmatan yang cemerlang setaraf dengan anugerah yang diterimanya dua tahun berturut-turut pada tahun 2004 dan 2005.

Sepanjang 2005 tempoh berkhidmat di KUTKM, beliau menjadi Penyelaras sukan Hoki serta membawa kecemerlangan kepada pasukan hoki (Lelaki) yang muncul Johan Divisyen 2 pada Liga Hoki MASUM 2005. Bagi bidang rekreasi, beliau membantu KUTKM membawa pulang Anugerah Juragan Arus dalam Ekspedisi Berakit Antarabangsa Sungai Pahang sejauh kira-kira 329 km.

Norasikin juga dilantik sebagai urusetia bagi Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti-universiti Malaysia 2005. Beliau turut menyertai kumpulan koir staf KUTKM yang sering mengadakan persembahan dalam majlis-majlis rasmi Universiti, di samping terlibat dalam program-program pelajar anjuran HEPA.

Beliau mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan dan tunjuk ajar dari rakan-rakan khususnya penyeliaanya. Demi meningkatkan prestasi, menjaga imej HEPA khasnya dan KUTKM amnya, beliau berjanji akan berusaha mengekalkan kecemerlangan ini.





Zairina bte Jamil  
Pembantu Belia Dan Sukan,  
Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Berbekalkan pengalaman sebagai atlit, Zairina mula berkhidmat sebagai Pembantu Belia dan Sukan di Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) pada 1 Oktober 2003, untuk menguruskan kerja-kerja di Unit Sukan dan Rekreasi. Beliau bersyukur kerana terpilih menerima anugerah ini kerana ia adalah kepercayaan yang telah di berikan kepadanya untuk menjalankan tugas yang di amanahkan. Terima kasih tidak terhingga kepada kedua ibu-bapa & rakan-rakan yang memberi semangat dan dorongan.

Beliau banyak terlibat dalam aktiviti pelajar khususnya program sukan dan rekreasi antaranya Festival Sukan Kolej Kediaman (FESKO) dan Sukan Antara Fakulti (SAF) di samping sebagai Penyelaras/ Pegawai Pengiring bagi setiap sukan yang disertai oleh Universiti. Antara kejayaan yang membanggakan ialah Pasukan Basikal Bukit Pelajar, yang muncul tempat ketiga pada Kejohanan Cyclethon IPT di Universiti Putra Malaysia (UPM), tempat ketujuh dan kelapan pada pada Kejohanan Basikal Bukit Damansara, serta Ekspedisi Berbasikal Jelajah Kemerdekaan KUTKM 2005 (Melaka - Port Dickson), dan Eksplorasi Kembara Merdeka Hutan Royal Belum 2005 di Tasik Banding, Perak.

Zairina juga terlibat dalam Sukan Antara Fakulti mewakili Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni bagi acara bola jaring. HEPA muncul johan, badminton (Ketiga), karom (Ketiga) dan bola tampar. Antara pencapaian yang memberangsangkan sepanjang 2005 ialah sebagai atlit bola jaring KUTKM ke Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti-universiti Malaysia dan berjaya membantu pasukan bola jaring KUTKM mendapat johan. Tahun 2005 merupakan kali ketiga berturut-turut KUTKM johan bola jarring. .

Di samping tugas hakiki sebagai Pembantu Belia dan Sukan, beliau juga sering terlibat sebagai Urus Setia dalam kebanyakan majlis-majlis rasmi peringkat KUTKM.







Razali bin Yaakob  
Penolong Pegawai Belia & Sukan,  
Unit Sukan & Rekreasi  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Razali bertanggungjawab dalam pembangunan aktiviti sukan & rekreasi pelajar KUTKM. Beliau bertindak sebagai penyelarar untuk program - program sukan & rekreasi antaranya Festival Sukan Kolej Kediaman (FESKO) & Sukan Antara Fakulti (SAF). Dalam kejohanan tersebut beliau membantu pelajar menganjurkan kejohanan dengan baik. Selain itu beliau juga terlibat secara terus dalam persediaan pasukan sukan pelajar dalam menghadapi kejohanan yang disertai. Razali menyelaraskan latihan pasukan, perlawanan persahabatan, penyertaan kejohanan, pegawai pengiring & motivasi pasukan sebelum menghadapi kejohanan. Antara hasil kejayaan yang boleh dilihat ialah kejayaan pasukan hoki wanita KUTKM menempatkan diri sebagai pasukan ke 4 terbaik dari 17 buah universiti di Malaysia dalam Kejohanan Liga Hoki (W) MASUM 2005 dalam penyertaan yang pertama. Seorang daripada atlet hoki wanita KUTKM juga telah terpilih mewakili MASUM dalam Sukan Arafura di Australia pada tahun 2005. Bagi sukan Lawn Bowl pula, KUTKM telah menjadi kuasa baru sukan ini di Melaka dan 2 orang daripada atlet KUTKM telah mewakili Negeri Melaka dalam kejohanan Piala Bowls Malaysia.

Di samping itu, Razali merupakan Ahli Jawatankuasa Teknikal MASUM (Majlis Sukan Universiti Malaysia) yang berperanan menyelarar aktiviti sukan pelajar di peringkat universiti di Malaysia. Beliau telah dilantik sebagai Penolong Pengerah Liga Hoki (L & W) MASUM 2005 & Pengerusi Permainan Boling Padang MASUM 2005 bagi memastikan kedua - dua sukan tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya di peringkat universiti. Manakala di negeri Melaka beliau juga terlibat sebagai ahli Jawatankuasa Persatuan Lawn Bowl Negeri Melaka & Ahli Jawatankuasa Briged Kebajikan Perdana di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka. Beliau sendiri telah mewakili KUTKM dalam sukan Lawn Bowl di Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti 2005.





**Siti Aishah binti Mat Zain  
Pembantu Tadbir (P/O),  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni**



Siti Aishah bertugas membantu dalam pengurusan pentadbiran kewangan di Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) sejak 2 Jun 2001. Prinsip yang beliau pegang dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di pejabat ialah kepuasan pelanggan diutamakan dan pepatah "kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya" menjadi azimatnya. Menurutnya, pengalaman di tempat kerja lama banyak membantunya dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan..

Sikap Siti Aishah yang sentiasa tidak berpuashati dengan hasil kerja yang dilaksanakan dan sentiasa ingin menghasilkan mutu kerja yang terbaik. Amalan kerja beliau ialah membuat perancangan yang teliti sebelum memulakan sesuatu kerja di samping disiplin dan hubungan yang baik di kalangan staf. Beliau turut menimba ilmu dalam perekaan grafik yang selama ini menjadi tugas sampingannya untuk menerbitkan Buletin HEPA. Beliau mengucapkan terima kasih kerana terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005 dan bersyukur kepada Allah SWT.

Beliau turut menjadi urusetia bagi aktiviti program pelajar antaranya, Minggu Haluan Siswa (MHS), dan Pesta Konvokesyen 2005. Sikapnya yang tidak kedekut ilmu, sering memberi tunjuk ajar dan khidmat nasihat kepada rakan-rakan sekerja serta juga pelajar dalam permasalahan grafik seperti terbitan buku program, kad jemputan, pamflet dan sebagainya. Beliau melakukannya dengan ikhlas kerana sekiranya sesuatu ilmu dapat dikembangkan, ia tidak merugikan mana-mana pihak malahan akan memudahkan urusan kerja.

Siti Aishah juga aktif bersukan dan mewakili Pejabat HEPA di Kejohanan Sukan Antara Jabatan seperti Badminton, Ping Pong, Bola Jaring dan Karom. Baginya anugerah ini bukan miliknya seorang tetapi seharusnya dikongsi bersama dengan rakan-rakan sekerja yang lain.





**Mohd Hanafi bin Hassan**  
**Juruteknik Komputer, Pusat Komputer**

Mohd Hanafi bersyukur ke hadrat Allah SWT di atas pengiktirafan yang diperoleh dan amat berterima kasih kepada pihak pengurusan Universiti di atas pemilihannya sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005. Mohd Hanafi juga berterima kasih kepada Pengarah Pusat Komputer, Timbalan Pengarah, penyelia serta rakan-rakan setugas yang banyak membantu beliau dalam menguruskan hal-hal kerja. Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan yang besar untuknya yang mungkin sukar di kecapai jika tiada sokongan rakan-rakan.

Mohd Hanafi bertugas di KUTKM bermula pada 12 Disember 2001. Ketika itu beliau ditempatkan di Unit Servis dan Penyelenggaraan dan kini ditugaskan di Unit Rangkaian, Bahagian Rangkaian dan Sokongan Sistem. Mohd Hanafi dipertanggungjawabkan untuk menjaga peralatan rangkaian di Kampus Industri, Kampus Tetap, Makmal Fasa B, Pejabat Kolej Kediaman serta Asrama. Amanah yang diberikan agak berat tetapi dengan berkat kesungguhan, keyakinan, kerajinan dan dedikasi telah membolehkan Mohd Hanafi menguruskannya tanpa mudah mengalah dan tidak mengenal erti penat, seperti kata pepatah, "Alah Bisa Tegal Biasa".

Mohd Hanafi juga turut terlibat dengan acara-acara rasmi KUTKM seperti Majlis Konvokesyen, Pendaftaran Pelajar Baru, Urus Setia Program Aku Janji Staf Baru dan majlis-majlis anjuran Pejabat HEPA. Selain itu, beliau juga bergiat aktif dalam sukan boling, sepak takraw dan bola sepak serta mewakili sukan berkenaan di peringkat antara Jabatan dan antara Universiti. Selain itu Mohd Hanafi turut bergiat dalam persatuan seni silat gayung FATANI peringkat Negeri Melaka dan juga pasukan sukarela Askar Wataniah. Berdasarkan falsafah "bekerja kerana Allah", Mohd Hanafi percaya bahawa hasil kerja akan lebih diberkati dan akan membuahkan kejayaan.





**Nazarina binti Abdul Nasser**  
**Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi),**  
**Pusat Komputer**

Nazarina mula bertugas di KUTKM pada 1 Oktober 2001 dan di tempatkan di Unit Pentadbiran, Kewangan dan Pengurusan Sumber Manusia, Pusat Komputer. Dalam melaksanakan tugas seharian, Nazarina banyak membantu Penolong Pegawai Tadbir dalam menguruskan tugas-tugas kewangan pejabat. Beliau berpendapat sangat berpuas hati berpasukan sangat penting untuk memastikan kelancaran kerja di Pusat Komputer. Dalam menjalankan tugas hakiki seharian, Nazarina juga terlibat dalam aktiviti rasmi KUTKM termasuklah seperti Hari Pendaftaran Pelajar Baru.

Bagi Nazarina, penganugerahan ini bukan sebagai noktah untuk beliau menyumbangkan yang terbaik, malah ia merupakan inspirasi kepadanya untuk terus mencurahkan bakti serta berusaha secara tidak langsung ke arah memastikan penghasilan mutu kerja yang cemerlang. Nazarina bersyukur dan amat berterima kasih kepada pihak pengurusan Universiti serta seluruh warga Pusat Komputer terutama sekali kepada Pengarah Pusat Komputer dan Ketua Bahagian di atas pemilihannya sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005.





**Rapidah binti Mazlan**  
**Penolong Pegawai Sistem Maklumat,**  
**Pusat Komputer**

Rapidah mula melaporkan diri di KUTKM pada April 2003. Berbekalkan pengalaman serta keyakinan yang diberikan, beliau telah ditempatkan di Unit Maklumat Staf, Bahagian Sistem Maklumat sehingga ke hari ini. Tugasannya yang mula diterima adalah penambahbaikan serta penyelenggaraan Sistem Pengurusan Masa. Di samping itu, beliau bertanggungjawab membantu staf di Pejabat Pendaftaran menggunakan Sistem Pengurusan Personel Jabatan (SISPEN) JPA. Bersama-sama dengan pasukan kerja, Rapidah telah berusaha dan membangunkan Sistem Maklumat Sumber Manusia untuk KUTKM yang mana modul-modul yang dibangunkan dapat membantu pengurusan sumber manusia di KUTKM dengan lebih sistematik dan efisien.

Di dalam melaksanakan tugas seharian, Rapidah juga terlibat dalam aktiviti rasmi KUTKM seperti Hari Pendaftaran Pelajar Baru dan Majlis Konvokesyen. Atas minat yang mendalam dalam bidang sukan dan riadah, telah membolehkan Rapidah menyumbang kepada pejabatnya dalam permainan antaranya bola tampar, bola jaring, badminton, ping-pong dan lain-lain di pertandingan antara Jabatan.

Rapidah melahirkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin Nya dapat beliau berkhidmat dengan cemerlang di KUTKM. Beliau turut menghargai rakan-rakan seperjuangan serta keluarga yang banyak memberi sokongan dan kerjasama dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan.





**Mimi Rahayu binti Hamdin**  
**Pegawai Sistem Maklumat, Pusat Komputer**

Pada tanggal 14 Mei 2001, Mimi Rahayu Hamdin memulakan tugas sebagai Pegawai Sistem Maklumat di Pusat Komputer. Mengetuai Bahagian Multimedia dan Automasi Pejabat bukanlah satu tugas yang mudah lebih-lebih lagi dalam menghadapi pelbagai karenah pengguna. Namun ini semua adalah pendorong baginya dalam mempertingkatkan lagi pengalaman dan pengetahuan dalam bidang ini.

Tahun 2005 juga adalah tahun yang penuh cabaran di mana menyaksikan pertukaran e-mel dari *oa server* ke *open source* sepenuhnya. Hasil kerja keras dari semua unit di Pusat Komputer, hasrat ini dapat direalisasikan dengan jayanya. Pembangunan dan perkembangan laman web juga berubah dari tahun ke tahun berdasarkan persekitaran dan kesesuaian semasa. Pembangunan sistem automasi pejabat telah berkembang dengan baik dan telah digunakan secara meluas di seluruh KUTKM.

Mimi Rahayu merasa bersyukur atas anugerah yang diterima dan bertekad menjadikannya sebagai penyuntik semangat dalam usaha beliau mempertingkatkan lagi kecemerlangan prestasi kerja seterusnya memartabatkan maruah agama, negara dan bangsa.





**Affindi bin Abu Bakar**  
**Penolong Pendaftar,**  
**Fakulti Kejuruteraan Elektrik**

Affindi mula bekerja dengan agensi kerajaan mulai tahun 1986 di Jabatan Perhubungan Perusahaan, Kementerian Sumber Manusia dan di Jabatan Penjara Malaysia. Awal tahun 2002 beliau mula bertugas di Pejabat Hal Pelajar sebagai Penolong Pendaftar di Bahagian Pentadbiran dan Tatatertib Pelajar.

Penghujung 2004, beliau ditempatkan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) di Bahagian Pentadbiran sehingga sekarang. Pengalaman yang lepas dan suasana kerja sekarang banyak membantu rutin harian Affindi di KUTKM. Affindi turut terlibat dalam aktiviti-aktiviti lain seperti menjadi ahli Jawatankuasa Biro Penerbitan BAKUTKM, Setiausaha mesyuarat di peringkat Fakulti serta menjadi ahli Jawatankuasa Badan Kebajikan Al-Taqwa di bawah Majlis Agama Islam Melaka.

Falsafah hidup Affindi iaitu "Hidup ini merupakan satu perjuangan dan sesungguhnya Allah menentukan segalanya ". Affindi sangat berterima kasih kepada Dekan dan staf FKE yang banyak memberi galakan dan sokongan dalam memastikan pengurusan pentadbiran Fakulti berjalan dengan berkesan serta kepada pihak pengurusan Universiti kerana memberi kepercayaan dan pengiktirafan kepadanya sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2005.





**Dr. Musse Mohamud Ahmed**  
**Senior Lecturer,**  
**Faculty of Electrical Engineering**

Dr. Musse Mohamud joined the Faculty of Electrical Engineering, KUTKM on 3 March 2002 as a lecturer. In October 2002, he was appointed as Deputy Dean (Research & Graduate Studies) in the same Faculty. In March 2005, he was promoted to a senior lecturer and his contract was extended in the same position. During his tenure at the Faculty, his contribution includes teaching and learning, research, development and innovation, consultation and training, management and administration, professional activities and seminars / conferences.

He has been supervising final year students and postgraduate students, undergoing their research projects for short term grants and IRPA grants. He has also conducted various professional courses for the industry. Dr. Musse Mohamud inspires members of the faculty to consolidate knowledge on their research areas that lead to professional consultancy. He has been promoting KUTKM at the IEEE Forums where he currently holds the post of executive member of IEEE-PES Malaysian Chapter, which is responsible for educational activities. Dr. Musse Mohamud recently won a bronze medal at the Malaysian Technology Exhibition (MTE) 2006 which was held in PWTC, Kuala Lumpur.







**Mohamad bin Khamis**  
**Pembantu Teknik,**  
**Fakulti Kejuruteraan Elektrik**

Mula berkhidmat dengan KUTKM pada Januari 2002 sebagai juruteknik dan telah dilantik ke jawatan Pembantu Teknik pada Februari 2003 di Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Pengalaman berkhidmat selama lapan tahun di sektor swasta banyak membantu kerjayanya di fakulti.

Selain daripada tugas hakiki sebagai Pembantu Teknik, Mohamad juga menyelia juruteknik-juruteknik di fakulti. Mohamad terlibat secara langsung dalam membantu pelajar tahun akhir melaksanakan projek mereka. Beliau juga membantu Jurutera Pengajar dan Penyelaras Diploma dalam memastikan kelancaran proses pembelajaran berteraskan aplikasi dan amalan melalui kerja praktikal di makmal-makmal.

Mohamad turut melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan serta pernah menjadi fasilitator bagi program Khidmat Negara, menjadi ahli Jawatan Kuasa Pelaksana Majlis Keraian Canselor, ahli Jawatankuasa Minggu Kejuruteraan FKE, ahli Jawatankuasa Pengurusan dan Pembangunan IT, ahli Jawatankuasa Pelaksana bengkel PLC untuk Kolej Komuniti Bukit Beruang, ahli Jawatankuasa Pameran Fakulti, ahli Jawatankuasa Audit dalaman dan juga ahli Jawatankuasa Pengurusan Kampus Tetap. Mohamad juga aktif dalam bidang sukan tarik tali di peringkat antara jabatan.

Mohamad bersyukur kepada Allah S.W.T dengan anugerah ini dan mengucapkan terima kasih kepada sokongan dan tunjuk ajar dari semua pihak. Dengan anugerah ini juga menjadi pemangkin kepadanya untuk bekerja dengan lebih dedikasi pada masa-masa akan datang.





**Mohd Luqman bin Mohd Jamil**  
**Pensyarah, Fakulti Kejuruteraan Elektrik**

Mohd Luqman memulakan tugas sebagai tutor pada November 2001. Selepas menamatkan pengajian ke peringkat Sarjana, beliau kembali bertugas pada November 2003.

Pengalaman lalu sebagai pensyarah diploma dan juga di peringkat Sarjana banyak membantu beliau dalam melaksanakan tugas sebagai pensyarah di Jabatan Elektronik Kuasa & Pemacu, Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Bagi memantapkan lagi teknik pengajaran, beliau juga telah menghadiri kursus-kursus berkaitan P&P dan OBE di peringkat Universiti dan Fakulti. Mohd Luqman telah melibatkan diri dalam aktiviti penyelidikan jangka pendek serta menyertai seminar-seminar.

Di peringkat Fakulti, Mohd Luqman pernah bertindak sebagai Pengarah Program dan ahli Jawatankuasa bagi Program Bengkel Budaya Kerja Berpasukan, Program Universal, Program Minggu Kejuruteraan dan ISO / Jaminan Kualiti & Akreditasi. Dalam pertandingan sukan antara jabatan, beliau juga tidak terkecuali untuk mewakili Fakulti bagi sukan sepak takraw. Menurut beliau, dorongan dan galakan daripada keluarga dan rakan-rakan sekerja banyak mempengaruhi cara bekerja ke arah lebih produktif.







**Omar bin Mat Ibrahim**  
**Juruteknik Kanan,**  
**Fakulti Kejuruteraan Elektrik**

Omar bin Mat Ibrahim merupakan antara staf yang terawal dilantik di KUTKM dengan nombor staf 0006. Berbekalkan pengalaman kerja di IPTA selama 26 tahun telah banyak membantu beliau melaksanakan tanggungjawab dengan cemerlang.

Tugas hakiki Omar adalah menguruskan pembelian dan pengagihan komponen elektrik dan elektronik bagi makmal pengajaran dan pembelajaran di FKE. Beliau terlibat secara langsung bagi membantu pelajar tahun akhir melaksanakan projek mereka serta menyelia beberapa orang juruteknik terutamanya di bawah Jabatan Kawalan, Instrumentasi dan Automasi, FKE. Omar juga berperanan memastikan kelancaran proses pembelajaran berteraskan aplikasi dan amalan melalui kerja praktikal di makmal-makmal.

Omar turut melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan oleh pihak universiti seperti menjadi ahli Jawatankuasa Pelaksana Keraian Canselor, ahli Jawatankuasa Minggu Kejuruteraan FKE dan juga sebagai ahli jawatankuasa Kelab Kebajikan FKE. Beliau bersyukur dengan anugerah yang diterima dan berterima kasih atas sokongan dan tunjuk ajar yang telah semua pihak berikan serta akan menjadikannya sebagai satu semangat untuk menjalankan tugas dengan lebih baik.





**Subki bin Mat Kahar**  
**Juruteknik, Fakulti Kejuruteraan Elektrik**

Subki mula berkhidmat di KUTKM di bawah Jabatan Elektronik Kuasa dan Pemacu, FKE pada tahun 2003. Sebelum memasuki KUTKM, beliau telah berkhidmat di sektor swasta dalam bidang elektronik selama lapan tahun.

Sebagai juruteknik, beliau bertanggungjawab mengendalikan makmal, membantu memastikan pembelajaran di makmal berjalan lancar. Subki telah terlibat sebagai ahli Jawatankuasa Pengurusan Dan Pembangunan IT dan ahli Jawatankuasa Audit Dalaman di peringkat Fakulti. Ketika konvokesyen pertama, beliau terlibat sebagai ahli Jawatankuasa Pameran dan telah diamanahkan sebagai ahli Jawatankuasa Pelaksana Bengkel PLC untuk Kolej Komuniti Bukit Beruang. Subki juga aktif di dalam bidang sukan serta telah mewakili pasukan bola sepak dan badminton di peringkat Sukan Antara Jabatan.

Sesungguhnya, sokongan daripada keluarga serta galakan dari rakan sekerja menjadi pemangkin kepada prestasi kerja beliau selama ini. Beliau mengucapkan syukur dan terima kasih kepada semua yang telah memberi sokongan dan kepercayaan kepadanya dalam mempertingkatkan mutu hasil kerja yang terbaik.





**Kasrul bin Abdul Karim**  
**Pensyarah,**  
**Fakulti Kejuruteraan Elektrik**

Kasrul Abdul Karim mula berkhidmat di KUTKM pada Januari 2002 sebagai Jurutera Pengajar di Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Pengalaman di industri banyak membantunya dalam melaksanakan tugas-tugas pengajaran dan pengendalian makmal. Dengan adanya peluang peningkatan staf di KUTKM, beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana seterusnya menyambung tugas sebagai seorang Pensyarah.

Selain melaksanakan tugas asasi dalam pengajaran dan pembelajaran, Kasrul juga terlibat dalam pentadbiran Fakulti sebagai Penyelaras Diploma dan Penyelaras Makmal. Kasrul bukan sahaja bertanggungjawab dalam pengendalian kursus diploma malahan mengendalikan pembangunan makmal FKE dari segi peralatan dan pengurusan.

Kasrul percaya bahawa anugerah ini tidak bermakna tanpa sokongan dan kerjasama dari rakan-rakan staf terutamanya juruteknik dan staf akademik yang memberikan pertolongan dan dorongan kepadanya dalam mempertingkatkan kecemerlangan kerjaya.





Abdul Rani bin Othman  
Profesor Madya,  
Fakulti Kejuruteraan Elektronik &  
Kejuruteraan Komputer



Prof. Madya Abdul Rani bin Othman telah mula bertugas di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) sejak 1 Jun 2004 setelah hampir 20 tahun berkhidmat dalam bidang akademik. Beliau kini menjawat jawatan Timbalan Dekan (Akademik) FKEKK. Beliau merasakan anugerah yang diterima ini merupakan pengiktirafan kepada Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer dan berharap ia akan menjadi pemangkin untuk beliau berusaha dengan lebih gigih di masa akan datang.

Sepanjang menjawat jawatan Timbalan Dekan (Akademik) di fakulti, banyak tugas yang mencabar telah berjaya ditempuhi dan beberapa kejayaan telah diperolehi antaranya adalah mendapatkan pengiktirafan untuk beberapa program Ijazah Sarjana Muda dan program Diploma Fakulti. Di samping itu kejayaan mendapatkan pengiktirafan MS ISO 9001:2001 amat dirasakan memandangkan FKEKK merupakan antara fakulti pertama yang telah diaudit.

Selain menjalankan tugas sebagai Timbalan Dekan (Akademik) di Fakulti, beliau juga telah di amanah oleh Dekan FKEKK untuk menguruskan aktiviti penyelidikan Fakulti. Tahun 2005 merupakan tahun yang memberangsangkan bagi Fakulti kerana telah mencapai beberapa kejayaan penyelidikan di peringkat dalam dan luar negara di samping peningkatan penyertaan pensyarah di dalam penyelidikan. Kesemua kejayaan ini tidak akan tercapai tanpa komitmen yang tinggi di kalangan staf Fakulti dan beliau amat bersyukur di atas sokongan yang telah diberikan kepada beliau.

Walaupun sibuk dengan tugas pentadbiran di Fakulti, tugas hakiki beliau sebagai pensyarah adalah diutamakan. Di samping pengajaran dan pembelajaran beliau juga memegang dua geran penyelidikan. Beliau juga memegang pelbagai jawatan di dalam dan luar KUTKM. Beliau amat bersyukur ke hadrat Allah SWT di atas penghargaan yang diberikan dan berterima kasih kepada semua pihak di atas kerjasama dan kepercayaan yang telah diberikan. Penganugerahan ini akan beliau jadikan sebagai motivasi dan dorongan untuk mengekalkan dan mempertingkatkan mutu kerja beliau agar dapat menyumbang menaikkan nama FKEKK khususnya dan KUTKM secara amnya.





Yusri bin Othman  
Juruteknik,  
Fakulti Kejuruteraan Elektronik &  
Kejuruteraan Komputer

Yusri Othman amat bersyukur kepada ALLAH SWT kerana dipilih sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2005. Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengurusan tertinggi FKEKK dan kepada semua warga FKEKK yang telah membantu dan bekerjasama dalam pembangunan Fakulti.

4 Februari 2002 adalah tarikh permulaan kerjaya bagi Yusri Othman sebagai Juruteknik di KUTKM. Pengalaman bekerja di sektor industri sebelum ini telah beliau manfaatkan sepenuhnya untuk kerja-kerja di makmal termasuklah seperti membaik pulih dan menservis peralatan. Disiplin, dedikasi dan tanggungjawab diri adalah menjadi amalan beliau. Kepercayaan dan kerjasama yang diberikan oleh semua warga FKEKK merupakan faktor utama dalam memacu kejayaan yang diperolehi.

Yusri juga dilantik mewakili Fakulti dalam pameran-pameran yang dianjurkan oleh pihak Universiti di mana melalui tugasnya ini beliau berpeluang memperkenalkan KUTKM khususnya FKEKK kepada masyarakat.





Muhammad Syahrizan bin Johal  
Juruteknik,  
Fakulti Kejuruteraan Elektronik &  
Kejuruteraan Komputer

Muhammad Syahrizan memulakan tugas sebagai juruteknik pada 24 Februari 2003 di KUTKM. Sebelum ini, beliau berkhidmat sebagai juruteknik di sektor swasta selama dua tahun.

Selain tugas-tugas penyelenggaraan dan penyediaan peralatan makmal, beliau terlibat dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan Fakulti seperti sukan, derma darah dan juga aktiviti bergotong royong dengan pihak luar. Beliau juga merupakan ahli Biro Sukan Kelab Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer. Antara sumbangan beliau kepada KUTKM adalah di mana beliau telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Pameran Fakulti Sempena Pesta Konvoquesyen Pertama KUTKM 2005.

Menurut Muhammad Syahrizan, anugerah ini adalah cetusan aspirasi dari keluarga dan rakan-rakan yang banyak memberi semangat dan tunjuk ajar. Beliau amat bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana telah diberi anugerah ini dan berharap ianya merupakan satu titik tolak bagi mencorakkan prestasi kerja yang lebih cemerlang pada masa akan datang berlandaskan prinsip, "Buat Sebaik Mungkin" segala tugas yang diamanahkan dan juga berbuat baik sesama insan.







Saifullah Bin Salam  
Juruteknik,  
Fakulti Kejuruteraan Elektronik &  
Kejuruteraan Komputer

Saifullah bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dipilih sebagai salah seorang penerima Anugerah Khidmat Cemerlang kali ini. Beliau bertugas sebagai Juruteknik mulai 2 Januari 2002 dan ditempatkan di Makmal Elektronik Asas, FKEKK. Semasa bertugas di makmal tersebut, beliau banyak menyumbang tenaga dalam penyediaan dokumen akreditasi, dokumen ISO, sistem merekod laporan makmal pelajar, menyediakan manual uji kaji pelajar, selain melaksanakan tugas hakikinya iaitu kerja-kerja penyelenggaraan dan penyediaan peralatan makmal.

Pengalaman yang ditimba semasa bertugas di industri dan latihan-latihan yang telah diikuti telah banyak membantu beliau melaksanakan tugas-tugas hakiki beliau di makmal. Berteraskan kata 'Ikhlasakan Diri Hanya Kerana Allah' menjadikan dirinya lebih berdedikasi dan berdisiplin tinggi dalam menjalankan tugas.

Saifullah juga aktif melibatkan diri dalam aktiviti di peringkat Fakulti, seperti mewakili Fakulti dalam pertandingan Sukan Antara Jabatan, program tadarus dan khatam Al-Quran di bulan Ramadhan. Menurut beliau, kejayaan yang diperolehnya ini adalah hasil tunjuk ajar serta sokongan daripada Dekan, Ketua Jabatan, Ketua Makmal dan juga rakan-rakan yang lebih berpengalaman. Pengiktirafan ini sangat besar ertinya kepada beliau dan ia merupakan permulaan dan kesinambungan budaya kerja cemerlang yang diamalkan beliau sepanjang berkhidmat di Fakulti.





Mahadi bin Salleh  
Juruteknik,  
Fakulti Kejuruteraan Elektronik &  
Kejuruteraan Komputer

Mahadi bin Salleh mula berkhidmat di Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia pada 5 Mac 2003 sebagai Juruteknik dan ditempatkan di makmal ECADD, FKEKK. Tanggungjawab beliau adalah menyelenggara serta menyediakan peralatan untuk sesi Pengajaran dan Pembelajaran berorientasikan aplikasi dan amalan di makmal tercapai.

Di samping tugas-tugas hakiki, beliau juga bergiat aktif dalam bidang sukan untuk FKEKK dan KUTKM amnya, beliau telah mewakili FKEKK dalam sukan bola sepak, sepak takraw dan karom di pertandingan Sukan Antara Jabatan serta terlibat dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan oleh FKEKK mahupun KUTKM. Beliau telah mewakili KUTKM dalam sukan bola sepak di Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia dan Sukan Melaka.

Beliau amat bersyukur di atas Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diberikan dan beliau berharap anugerah ini menjadi inspirasi untuk beliau terus berkhidmat dengan lebih cemerlang. Ianya tidak akan dicapai tanpa kerjasama dan sokongan dari keluarga dan rakan-rakan sekerja di FKEKK mahupun di KUTKM. Namun apa yang lebih penting bagi beliau bukan hanya melaksanakan sesuatu tugas dengan baik tetapi keikhlasan dan kepuasan melaksanakan sesuatu tanggungjawab akan menghasilkan mutu kerja yang terbaik, tanpa mengharap sebarang balasan.







**Nuraida binti Ismail**  
**Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan),**  
**Fakulti Kejuruteraan Elektronik &**  
**Kejuruteraan Komputer**

Nuraida mula berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) bermula dari Mei 2001 dan ditempatkan di bawah Fakulti Kejuruteraan Elektronik Dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK). Sebagai seorang Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan), beliau telah diamanahkan untuk membantu melancarkan tugas ketuanya, Dekan FKEKK. Sepanjang tempoh perkhidmatan tersebut, beliau telah diberi peluang yang tidak ternilai untuk mencurah bakti serta menyumbangkan idea dan tenaga terutamanya di awal penubuhan FKEKK.

Selain daripada itu, beliau bertanggungjawab memastikan urusan pentadbiran berjalan lancar terutamanya maklumat yang diterima daripada ketuanya dapat disampaikan dengan tepat dan jelas. Kepercayaan yang diberikan kepada beliau tidak disia-siakan malah beliau turut membantu Fakulti dalam proses pengiktirafan bagi kursus-kursus yang ditawarkan di Fakulti.

Di samping tugas hakiki yang disandang, beliau juga terlibat sama dalam Kelab FKEKK di mana beliau dilantik sebagai salah seorang ahli jawatankuasa di bawah Biro Keusahawanan. Beliau juga dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Kecil Tetap Pelaksana untuk program Persatuan Wanita dan Isteri Staf KUTKM.

Anugerah ini seperti pembakar semangat untuk beliau lebih berusaha demi meningkatkan kualiti dan mutu kerja beliau di masa akan datang. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada ketua dan rakan-rakan sekerja yang banyak memberi dorongan dan bantuan dalam mencorakkan prestasi kerja beliau selama ini.





**Murni binti Abu  
Penolong Pendaftar,  
Fakulti Kejuruteraan Elektronik &  
Kejuruteraan Komputer**

Murni mula berkhidmat di KUTKM pada tanggal 1 Mac 2003.

Pada awal perkhidmatan, Murni telah ditempatkan di Unit Senat, Pejabat Pendaftar. Selama setahun bertugas di Unit ini, beliau berpeluang menimba pengalaman dalam tugas untuk pengiktirafan kursus dan penubuhan jabatan baru, penyediaan jubah bagi konvokesyen yang julung kali diadakan iaitu Konvokesyen Komemoratif dan pengambilan pelajar baru bagi kemasukan sesi 2004/2005.

Pada tahun kedua perkhidmatan, Murni telah ditempatkan di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer.

Tugas di Fakulti merupakan satu pengalaman yang baru dan mencabar. Ini kerana tugasan harian bukan lagi hanya tertumpu kepada kertas kerja dan minit mesyuarat tetapi melibatkan bidang akademik, kewangan dan pentadbiran am. Di Fakulti, Murni harus berhadapan secara terus dengan pelajar, staf akademik, staf teknikal serta staf dari PTJ lain.

Selama hampir empat tahun berkhidmat di KUTKM, Murni telah mengikuti dan terlibat dengan bengkel, seminar dan program yang dianjurkan oleh Universiti. menjayakan visi dan misi Universiti. Sebagai seorang staf yang masih "setahun jagung",

Murni merasakan banyak perkara yang perlu dipelajari bagi menambah ilmu serta meningkatkan lagi mutu kerja. Justeru itu, Murni bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana penganugerahan yang diperoleh ini. Murni turut merakamkan jutaan terima kasih rakan-rakan sekerja dan keluarga yang banyak menyokong dan membantu dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.







**Noor Izwanni binti Amil**  
**Penolong Pendaftar,**  
**Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

Noor Izwanni memulakan tugas sebagai Penolong Pendaftar pada 1 November 2001 dan ditempatkan di Pejabat Pendaftar untuk mengendalikan Unit Latihan pada ketika itu. Selepas itu, beliau mendapat peluang untuk mengendalikan Unit Cuti Belajar dan setelah 3 tahun di Pejabat Pendaftar beliau ditempatkan di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal bermula 1 November 2004.

Pengalaman yang diperolehi daripada pelbagai bidang tugas melancarkan pelaksanaan tanggungjawab yang diamanahkan kepada beliau. Pengetahuan dari segi perkhidmatan dan prosedur KUTKM memudahkan beliau menjadi pentadbir di FKM di samping mampu membantu staf dalam perkara yang membabitkan perkhidmatan. Pengalaman baru yang diperolehi di FKM ialah apabila terlibat dengan proses akreditasi BMCT bermula daripada penyediaan dokumen sehingga kepada lawatan panel penilai. Selain daripada itu salah satu bidang tugas iaitu kawalan kewangan menjadikan beliau seorang yang teliti dan tegas. Tugas sebagai pentadbir bukan hanya berurusan dengan staf tetapi juga dengan pelajar, oleh itu beliau perlu mahir dengan peraturan akademik supaya masalah yang melibatkan akademik dapat diselesaikan segera.

Berpegangan kepada prinsip 'Tidak Mengalah', beliau menjadikan tanggungjawab sebagai pentadbir sesuatu yang menyeronokkan dan tidak menjadikan ia sebagai beban supaya dapat memberikan perkhidmatan terbaik serta penuh keikhlasan. Beliau berharap semoga Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diterima ini tidak menjadikan beliau mudah berpuas hati tetapi terus mengekalkan kecemerlangan.





Fadzlin binti Amzah  
Penolong Pegawai Tadbir,  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Fadzlin memulakan tugas sebagai Penolong Pegawai Tadbir di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, KUTKM pada Mac 2004. Bertugas sebagai Penolong Pegawai Tadbir di Fakulti merupakan tugas yang agak mencabar. Beliau bertindak sebagai pendengar setia kepada masalah pelajar di samping membantu pelajar di dalam hal berkaitan akademik. Pelbagai kerenah pelajar harus beliau depaninya secara profesional bagi memastikan pelajar sebagai pelanggan utama kepada Universiti berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Berbekalkan prinsip hidup "*strive towards excellent*", membuatkan beliau menjalankan tugas dengan penuh dedikasi. Fadzlin percaya akan kepentingan mengekalkan hubungan yang baik sesama rakan sekerja, sikap saling bantu membantu serta keupayaan mengoptimumkan segala sumber yang ada bagi memberikan perkhidmatan yang cekap.

Fadzlin berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dalam bidang pengurusan dan pentadbiran agar dapat menyumbangkan usaha, bakti dan idea kepada Fakulti khususnya dan Universiti amnya seterusnya memastikan pengurusan dan pentadbiran yang lebih efektif dan efisien. Baginya, penganugerahan ini bukanlah pencapaian peribadi semata-mata tetapi merupakan kejayaan semua pihak terutama semua warga kerja FKM dan keluarga yang sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama.







**Tee Boon Tuan**  
**Pensyarah,**  
**Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

"*Don't give up*", itulah merupakan kata-kata yang menjadi prinsip dalam hidup Tee Boon Tuan, anak kelahiran negeri Cik Siti Wan Kembang ini. Boon Tuan memulakan tugas sebagai tutor di KUTKM pada 16 September 2002. Sepanjang memegang jawatan tutor, beliau terlibat dalam beberapa jawatankuasa peringkat Fakulti selain tugas-tugas pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, beliau turut dilantik sebagai salah seorang Penasihat Persatuan Pelajar Kejuruteraan Mekanikal atau FaMESA.

Beliau seterusnya melanjutkan pengajian di peringkat sarjana. Beliau telah diberi kepercayaan sebagai Setiausaha Jawatankuasa Latihan Industri FKM yang terlibat dalam urusan penempatan Latihan Industri pelajar. Selain daripada itu, beliau turut aktif menganggotai Jawatankuasa Projek Sarjana Muda, Jawatankuasa Penyelidikan dan Perundingan dan Jawatankuasa ICT.

Baginya, penganugerahan ini merupakan kejayaan semua pihak termasuk rakan-rakan dan keluarga yang sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama. Sesungguhnya, pengiktirafan ini sangat bererti kepada beliau dan akan menjadi penyuntik semangat dalam mempertingkatkan lagi kecemerlangan prestasi, khususnya di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).





Ruztamreen bin Jenal  
Pensyarah, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Ruztamreen mula berkhidmat bersama KUTKM sejak April 2002. Sebelum bersama KUTKM, beliau adalah seorang Jurutera di Industri selama 5 tahun. Pengalaman beliau telah dimanfaatkan dalam pembangunan FKM yang baru ditubuhkan. Ruztamreen adalah salah seorang yang merancang pembangunan program baru, pembangunan makmal-makmal dan pembangunan kampus tetap untuk bangunan FKM.

Ruztamreen merupakan staf yang aktif dalam kegiatan sosial dan sukan. Dalam bidang sukan boling, beliau telah mewakili KUTKM pada Kejohanan Sukan Inter-Varsity. Beliau juga telah mewakili FKM bagi sukan bola tampar dan tarik tali. Oleh kerana minat bersukan yang mendalam serta kesedaran tentang kepentingan sukan dalam memupuk semangat kerjasama serta setia kawan di kalangan staf FKM, beliau telah mempelopori penubuhan Kelab Sukan dan Rekreasi FKM (KESURI).

Semasa melanjutkan pelajaran peringkat sarjana di UK, bakat kepimpinan beliau serta minat dalam sukan tidak boleh dikekang. Di sana beliau telah dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Komuniti Pelajar-Pelajar Malaysia di Manchester (MCCH), ahli Jawatankuasa Malaysia Research Group (MRG) yang menganjurkan persidangan tahunan penyelidikan bagi pelajar-pelajar PhD dan bengkel penulisan, ahli Kelab Golf, serta ahli Kongres Pengajian Tinggi Melayu 2004 yang julung-julung kali diadakan di United Kingdom.

Sekembali beliau ke KUTKM pada 2004, FKM telah memberi kepercayaan kepada beliau memegang jawatan Pengurus Makmal dan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif FKM. Selain daripada itu, beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pengajaran dan Pembelajaran, Jawatankuasa Projek Sarjana Muda dan Jawatankuasa Kualiti dan Akreditasi dan beberapa jawatankuasa kecil di peringkat Fakulti dan Jabatan. Berdasarkan kepada pengalaman serta kecemerlangan yang ada, beliau juga telah dilantik sebagai salah seorang Pensyarah Pembimbing. Di peringkat KUTKM, beliau telah dilantik sebagai Auditor Dalaman Program MS ISO 9001:2000, ahli Jawatankuasa Hari Keluarga KUTKM, wakil Fakulti dalam Jawatankuasa Penganjur Sukan antara Jabatan dan ahli Jawatankuasa Direktori Peralatan Makmal. Menurut Ruztamreen, tugas yang diamanahkan merupakan satu kepercayaan orang lain terhadap kemampuan seseorang. Kejujuran dan kesyukuran terhadap Allah adalah balasan yang patut kita berikan. Semoga sikap dan teladan yang ditunjukkan oleh beliau mendorong warga Universiti mencapai kecemerlangan.






**Mohd Raduan bin Khalil**  
**Juruteknik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

Mohd Raduan bersyukur ke hadrat Allah SWT dan berterima kasih kepada semua yang terlibat dalam pemilihannya sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2005. Sesungguhnya penganugerahan ini amat bermakna dan akan dijadikan pendorong untuk meningkatkan keupayaan diri bagi membantu kecemerlangan khususnya FKM.

Semenjak diterima bertugas di KUTKM pada Ogos 2001, Mohd Raduan diberi peluang bersama-sama dengan tenaga pengajar untuk membantu merancang dan membangunkan makmal-makmal baru bagi kegunaan pengajaran dan pembelajaran. Antara makmal tersebut ialah Makmal Teknik Uji Kaji, Statik, Dinamik, Instrumentasi, Struktur Bahan, Sains Bahan dan yang terbaru Makmal Ujian Tanpa Musnah.

Selain melaksanakan tugas hakiki sebagai Juruteknik, Mohd Raduan membantu Pensyarah dalam projek penyelidikan dan menyediakan spesimen untuk projek pelajar, membantu dalam proses penyediaan dokumen bagi sistem kualiti MS ISO 9001:2000 dan penganugerahan akreditasi bagi program yang ditawarkan oleh FKM. Walaupun sumbangan yang diberi adalah kecil, beliau berbangga kerana kejayaan mendapat penganugerahan tersebut memberi makna yang besar kepada Universiti.

Raduan juga pernah mewakili KUTKM dalam Sukan Staf Antara Universiti dan Kejohanan Sukan Melaka peringkat IPTA & IPTS dalam sukan bola sepak dan sepak takraw, mewakili Fakulti dalam Sukan Antara Jabatan bagi permainan bola sepak, sepak takraw, bola tampar, tarik tali, karom, boling dan ping pong. Beliau juga dilantik sebagai Pengerusi Kelab Sepak Takraw dan Naib Pengerusi Kelab Ping Pong KUTKM.





Yusmady bin Mohamed Arifin  
Pensyarah, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Yusmady memulakan tugas sebagai staf KUTKM pada Julai 2001 sebagai tutor di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Penglibatan dan pengalaman beliau di bidang industri pembuatan dan juga di bidang pengajaran di kolej swasta banyak membantu beliau dalam pengajaran dan pembelajaran di KUTKM.

Beliau merupakan antara staf terawal yang menyertai FKM di mana beliau banyak membantu di peringkat awal pembangunan FKM. Antaranya adalah penglibatan beliau dalam perancangan dan pembangunan program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Termal-Bendalir), perancangan pelan pembangunan makmal FKM (Kampus Tetap Durian Tunggal) dan juga pembelian peralatan yang berkonsepkan "Hands-on" bagi pembelajaran pada peringkat awal Fakulti.

Selain daripada tugas-tugas pengajaran dan penyeliaan, Yusmady telah terlibat dalam aktiviti penyelidikan jangka pendek iaitu "Fluids Power Transmission Research". Beliau juga bertanggungjawab dalam menyelaraskan dan melicinkan perjalanan pengajaran dan pembelajaran staf-staf FKM dengan penglibatan secara terus dalam pembentukan jadual waktu dan juga susun atur pergerakan tempat pengajaran selama lebih dari dua tahun.

Dari segi kebajikan dan pembabitan dengan pelajar, selama lebih dari dua tahun Yusmady telah dilantik sebagai Penasihat FaMESA (Persatuan Pelajar FKM). Penglibatan beliau banyak membantu para pelajar dalam menjayakan program-program pelajar dan juga menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi.

Bagi Yusmady, anugerah ini merupakan satu penghargaan yang besar. Anugerah ini akan menjadi pendorong bagi beliau untuk mencapai kecemerlangan yang lebih gemilang pada masa yang akan datang.







Asjufri bin Muhajir  
Juruteknik,  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Asjufri mula berkhidmat di KUTKM pada 7 Februari 2002 sebagai Juruteknik di makmal termodinamik, studio berbantu komputer dan di bengkel kimpalan dan kini bertugas di makmal pembakaran. Semasa bertugas di makmal, beliau banyak terlibat dalam membantu uji kaji pelajar, membantu pensyarah membuat projek dan juga membantu pelajar semasa menghasilkan projek sarjana muda, di samping melaksanakan tugas hakiki iaitu kerja-kerja penyelenggaraan peralatan makmal dengan lebih sistematik dan berjadual.

Asjufri turut melibatkan diri dalam pertunjukan go-kart sempena majlis Konvokesyen yang pertama. Pada masa ini, beliau terlibat di dalam proses mendapatkan sijil pengendalian dandang loji jana kuasa stim daripada Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

Asjufri berharap anugerah ini dapat menjadikannya lebih bertanggungjawab, berdedikasi dan lebih berdisiplin dalam melakukan tugas seterusnya secara tidak langsung memajukan lagi KUTKM pada masa akan datang. Beliau sangat bersyukur kerana dengan sokongan dan dorongan isteri, rakan-rakan juruteknik dan semua warga KUTKM akan menjadikan beliau bekerja dan berusaha lebih gigih untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk KUTKM.






Juhari bin Ab. Razak  
Pensyarah, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Juhari mula bertugas di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) pada 1 Julai 2002. Berdasarkan pengalaman selama 17 tahun dalam bidang pendidikan beliau telah dilantik sebagai Ketua Jabatan Termal-Bendalir pada 1 Oktober 2002. Semenjak berkhidmat di KUTKM beliau telah banyak menyumbang tenaga dan buah fikiran bagi memajukan FKM melalui pelbagai jawatankuasa yang dianggotai. Selaku Ketua Jabatan beliau telah terlibat secara langsung dalam proses akreditasi program pertama di FKM.

Selain melaksanakan tugas hakiki sebagai Pensyarah dan Ketua Jabatan, beliau juga telah terlibat dalam penyelidikan jangka pendek dalam bidang mekanisma gear dan pemindahan haba. Beliau telah berjaya membuat inovasi kepada reka cipta ketuhar pelbagai guna. Di peringkat Universiti, beliau telah menyumbang tenaga sebagai ahli Jawatankuasa Spesifikasi Teknikal Tender, Jawatankuasa Kecil MS ISO 9001:2000 bagi Prosedur Pengajaran dan Pembelajaran dan penceramah bagi Program Induksi Staf. Juhari telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Teknikal bagi General Safety Committee (SIRIM). Beliau juga terpilih untuk mewakili Pilihan Kriket Veteran Melayu Malaysia menentang Old Georgians bagi merebut Perisai Ung Tat Hean.

Juhari merakamkan penghargaan kepada semua pihak khususnya rakan sekerja yang sentiasa memberi kerjasama kepada beliau selama ini. Anugerah kali kedua ini akan membakar semangat untuk terus menabur bakti dan meningkatkan prestasi kerja beliau bagi menyumbang ke arah kecemerlangan Fakulti dan Universiti.







**Aini binti Abd Ghaffar**  
**Penolong Pegawai Tadbir,**  
**Fakulti Kejuruteraan Pembuatan**

Aini mula berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Tadbir di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan pada 1 April 2004.

Beliau mengucapkan terima kasih penuh kesyukuran di atas penghargaan yang diberikan. Pada pandangan beliau penghormatan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini sebagai tanda pengiktirafan terhadap sumbangan, tanggungjawab dan kesungguhan beliau melaksanakan amanah yang diberikan. Tugas yang dipikul dalam membantu urusan pentadbiran Akademik di Fakulti telah banyak mengajar beliau erti kesabaran dan kecekalan dalam berdepan dengan pelbagai isu Akademik dan masalah pelajar. Nilai murni dan dorongan Ketua Jabatan menjadi panduan kepada beliau untuk sentiasa melakukan yang terbaik terhadap tugas yang diberikan. Salah satu kunci kejayaan ini ialah memastikan setiap tanggungjawab yang diamanahkan dilakukan dengan cemerlang dan tidak mudah berpuas hati dengan hasil yang diperolehi. Beliau sentiasa berpegang kepada tema "Kualiti Ke Arah Kecemerlangan" dan sentiasa mengamalkan konsep *Kaizen - Continuous Improvement*. Meskipun begitu beliau percaya masih ada kelemahan pada diri beliau yang boleh diperbaiki. Selain itu, dorongan dan sokongan yang beliau terima dari penyelia, rakan sekerja, warga FKP dan individu yang rapat dengan beliau juga memainkan peranan terhadap kejayaan menerima anugerah ini.







Zuhriah binti Ebrahim  
Pensyarah, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Zuhriah memulakan tugas pada 20 Jun 2001 sebagai Jurutera Pengajar di KUTKM. Pengalaman beliau di bidang industri dalam bidang proses pembuatan dan kualiti merupakan ilmu yang paling berharga buat beliau. Pengalaman ini juga membantu beliau dalam menyumbang kepada pembangunan fizikal fakulti dan juga pembangunan kurikulum untuk Program Ijazah Sarjana Kejuruteraan Pembuatan khususnya Pengurusan Pembuatan.

Bermula pada Oktober 2004, beliau telah diamanahkan untuk memikul tanggungjawab sebagai Ketua Jabatan untuk Jabatan Pengurusan Pembuatan. Pada tahun yang sama juga, beliau telah dilantik sebagai salah seorang dari Auditor Dalaman untuk Sistem Pengurusan Kualiti KUTKM. Beliau juga merupakan salah seorang ahli Jawatankuasa (peringkat Universiti) yang membangunkan Prosedur Kualiti bagi Proses Pengajaran dan Pembelajaran yang digunakan oleh setiap fakulti. Bagi tahun 2005, Jabatan Pengurusan Pembuatan yang di bawah pentadbiran beliau telah menganjurkan kursus pendek dan seminar di peringkat kebangsaan iaitu Kursus Kefahaman dan Pelaksanaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dan juga Seminar "Dimensional Metrology".

Menurut Zuhriah, kejujuran dan keikhlasan dalam memikul tugas yang diamanahkan adalah amat dititikberatkan semenjak beliau memulakan hidup sebagai seorang pekerja. Beliau juga amat bersyukur dengan Anugerah Cemerlang 2005 ini tetapi ia bukanlah kejayaan sepenuhnya yang ingin beliau capai iaitu menjadi seorang Pensyarah yang profesional dalam setiap teras perkhidmatan yang diberikan.





**Nor Akramin bin Mohamad**  
**Pensyarah, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan**

Sepanjang tahun 2005, Nor Akramin telah melunaskan tanggungjawab beliau dalam pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Ergonomik Industri serta menyediakan modul Kejuruteraan Industri bagi Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Dari segi penyeliaan, beliau telah menyelia seramai 11 orang pelajar yang mengikuti Projek Sarjana Muda dan 23 orang pelajar di bawah penyeliaan akademik.

Beliau telah dilantik sebagai Ketua Makmal Kejuruteraan Industri, Naib Pengerusi Jawatankuasa Perolehan Fakulti dan juga Setiausaha Jawatankuasa Projek Sarjana Muda. Beliau terlibat dengan penyelidikan jangka pendek yang bertajuk "*Development of User Friendly Spreadsheet Based Statistical Process Control For Small and Medium Industries*".

Nor Akramin telah membentangkan kertas kerja bertajuk "*Optimizing Transportation Across A Supply Chain*" dalam Seminar Pencapaian Penyelidikan KUTKM 2005".

*(Berdasarkan Sasaran Kerja Tahunan 2005)*



## Zulkeflee bin Abdullah Pensyarah, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan


Zulkeflee memulakan tugas sebagai tutor pada July 2001. Beliau pernah bertugas di industri di sebuah syarikat Multinasional sebagai Jurutera Proses selama 3 tahun. Pengalaman di rantau orang dan di industri banyak digunakan sewaktu proses pengajaran & pembelajaran kepada pelajar. Selain itu beliau telah terlibat dalam pembangunan kampus sementara, dan perancangan kampus tetap di mana proses pembelian mesin-mesin peralatan yang banyak daripada tiada makmal sehinggalah makmal tersedia. Antara makmal-makmal tersebut ialah Engineering Graphic, Manufacturing Design, Mold & Die, and Welding Laboratories.

Tugasan sebagai Ketua Jabatan bagi sebuah jabatan yang baru di tubuhkannya iaitu Jabatan Rekabentuk Pembuatan, sememangnya merupakan cabaran kepada beliau, apatah lagi dengan beban pengajaran yang tinggi, penyeliaan kepada pelajar-pelajar Projek Sarjana Muda dan aktiviti penyelidikan jangka pendek. Selain itu beliau terlibat secara langsung dalam latihan industri pelajar.

Beliau diberi kepercayaan menganggotai pelbagai jawatankuasa di fakulti dan telah bergerak aktif dalam menyumbangkan idea-idea serta bekerjasama dalam pelaksanaan program-program yang di rancang.

Anatara kecemerlangan beliau ialah dilantik sebagai naib pengerusi untuk jawatankuasa kerja MoU antara Solid Work & KUTKM, menganjurkan Kursus AutoCAD & menjadi tenaga pengajar AutoCAD kepada pihak luar, membantu dalam pengajaran 7 QC Tools kepada MARUWA Electronics, menjadi Juri dalam Pertandingan Rekabentuk FKM, juga JK Teknikal & Juri untuk Pertandingan Rekabentuk bagi Society of Manufacturing Engineer bersama FKP. Selain itu, beliau juga bertanding bersama pasukan KUTKM di ITEX 2005, di pilih oleh EAC & BEM untuk memberi khidmat konsultasi kepada penyediaan 'Manual Akreditasi untuk Program Kejuruteraan yang baru menurut *Washington Accord*

Beliau sangat aktif dalam sukan dan merupakan pemain bagi acara tenis, ping-pong, badminton, bola tampar, & sepak takraw mewakili. Menurut beliau, anugerah ini ingin dikongsi bersama keluarga dan rakan sekerja. Kerjasama mereka banyak membantu beliau dalam menjalankan tugas.







**Hambali bin Arep@Ariff**  
**Pensyarah, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan**

Hambali bin Arep@Ariff memulakan perkhidmatan di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, KUTKM pada Oktober 2001 sebagai Jurutera Pengajar. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana di Loughborough University. Beliau telah dilantik memegang jawatan pengurus makmal dan kemudiannya sebagai Ketua Jabatan Robotik dan Automasi mulai Februari 2004 sehingga Januari 2006.

Beliau telah dilantik sebagai Instruktur kursus 'AutoCAD level 1' anjuran Fakulti Kejuruteraan Pembuatan berdasarkan pengalamannya dalam bidang perisian rekabentuk seperti AutoCAD dan Mechanical Desktop. Beliau juga membentangkan kertas kerja diperingkat antarabangsa dan kebangsaan dalam perkhuisan rekabentuk dan rekacipta dan terlibat dalam menyertai pertandingan penyelidikan rekabentuk pada peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

Penyertaan dua rekacipta beliau dan rakan sekerja dalam 'Manual Wheelchair Design Improvements' dan 'Air Pressure Plug' di dalam '16th International Invention Innovation Industrial design & Technology Exhibition 2005 (ITEX 2005)' di Kuala Lumpur pada 19 -21 Mei 2005 telah berhasil dengan kejayaan menerima pingat emas dalam pertandingan tersebut.

Menurut beliau, kesungguhan dan bekerja secara berpasukan dalam melaksanakan tanggungjawab untuk terus maju dan berjaya dalam bidang yang beliau ceburi. Beliau ingin berkongsi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005 bersama-sama dengan keluarga dan rakan-rakan sekerja. Dorongan dari mereka banyak meningkatkan prestasi kerja beliau selama ini.







## Prof. Madya Dr. Hj. Shahrin Bin Hj. Sahib @ Sahibuddin Dekan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Dr. Shahrin Sahib telah mula berkhidmat di FTMK, KUTKM pada 16 Disember 2002. Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Dekan (Akademik) bagi merancang, melaksana dan memantau program akademik di FTMK sejak dari awal tahun 2003.

Beliau pernah berkhidmat di beberapa buah institusi akademik dengan pelbagai jawatan termasuklah selaku Pengarah Pusat Pengajian Asas dan Pendidikan Lanjutan, Pengarah Pusat Perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Dekan Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Multimedia. Sebelum bersama KUTKM, beliau merupakan Pengarah Hal Ehwal Akademik dan Ahli Lembaga Pengarah Kolej Yayasan Melaka. Pengalaman tersebut sedikit sebanyak membantu beliau untuk terus menyumbang kepada kemajuan KUTKM.

Disamping menjalankan tugas asas sebagai seorang ahli akademik melalui aktiviti pengajaran dan penyeliaan, beliau telah menyumbang secara langsung kepada pembangunan KUTKM. Selaku Timbalan Dekan (Akademik), beliau mempengerusikan JK Akreditasi untuk mendapatkan akreditasi pihak JPA bagi semua kursus yang ditawarkan oleh FTMK. Kepakaran beliau telah ditiktiraf dengan perlantikan sebagai Panel Penilai oleh Bahagian Jaminan Kualiti, KPT dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi menilai program-program ICT yang ditawarkan oleh IPTA tempatan.

Bagi membangunkan kemahiran ICT di KUTKM, beliau telah melaksanakan Bengkel Aplikasi Perisian bagi Penulisan Akademik bagi kakitangan akademik KUTKM dan pasca siswazah. Bagi memastikan kelangsungan aktiviti penyelidikan, beliau aktif dalam penyeliaan pelajar-pelajar Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah. Beliau telah terlibat secara langsung menyelia graduan sulung peringkat Sarjana yang dilahirkan oleh FTMK dalam konvokesyen pertama KUTKM.

Bagi meningkatkan kerja perundingan KUTKM, Dr. Shahrin telah mengetahui sekumpulan lapan pensyarah FTMK menjalankan kerja perundingan Analisa Tahap Keselamatan untuk Pusat Data, Kementerian Kesihatan Malaysia. Tanpa meninggalkan khidmat kepada masyarakat, beliau terus bergiat selaku JK Persatuan Falak Syar'ie Negeri Melaka, JK Projek E-masjid dan Projek Pembangunan Pembinaan Mini Planetarium Balai Cerap Al-Khawarizmi dan Kompleks Al-Khawarizmi. Beliau juga terlibat dalam banyak ceramah motivasi bagi pelajar dalam dan luar KUTKM dan program Radio Info-IT beliau dapat terus didengar di Melaka FM dan Johor FM khusus bagi merapatkan jurang digital di kalangan masyarakat.

Pencapaian beliau adalah kejayaan KUTKM umumnya dan anugerah ini merupakan pengiktirafan kepada kejayaan FTMK khususnya kerana dengan sokongan dari pentadbiran universiti, mantan Dekan, rakan sekerja, para pensyarah, kakitangan sokongan serta para pelajar sahalah memungkinkan kejayaan ini diizinkan Allah S.W.T..








**Mohd Hafiz bin Zakaria**  
**Pensyarah, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

Mohd Hafiz memulakan tugas pada Januari 2003 sejeurus menamatkan pengajian Sarjana beliau dari Universiti Putra Malaysia dan telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2004. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Jabatan Media Interaktif di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi bermula pada tahun 2005. Sepanjang tahun tersebut, beliau melaksanakan tugas hakiki sebagai pensyarah dan pada masa yang sama terlibat secara langsung dalam pengurusan pentadbiran di peringkat jabatan dan fakulti. Mohd Hafiz turut menyumbang dalam perjalanan Latihan Industri dan pembangunan infrastruktur fakulti melalui jawatankuasa yang disertai.

Selain tugas yang dinyatakan, Mohd Hafiz meneruskan aktiviti penyelidikan sebagai Ketua Penyelidik bagi dua penyelidikan jangka pendek universiti yang mengkhusus dalam bidang penyiaran dan e-learning. Beliau turut terlibat dalam membentangkan beberapa kertaskerja di seminar dan konvensyen anjuran universiti tempatan. Salah satu kertaskerja yang dibentangkan berjaya meraih anugerah *Certificate of Merit for Best Paper* di Seminar Pencapaian Penyelidikan KUTKM di Kuantan dengan kertaskerja bertajuk *Implementing Courseware Engineering Development Model on Programming Subject*. Beliau juga telah mewakili universiti untuk menyertai Ekspo Penyelidikan di Kuala Lumpur.

Mohd Hafiz pernah dilantik sebagai Penceramah bagi Kursus E-Modul anjuran PPA. Selain itu, beliau turut menyumbang tenaga sebagai Fasilitator bagi projek e-sekolah untuk mengajar para guru di sekolah sekitar negeri Melaka berkaitan literasi ICT. Beliau juga pernah menerbitkan penulisan modul amali untuk matapelajaran Animasi Komputer.

Mohd Hafiz ingin mengucapkan jutaan penghargaan kepada kedua ibubapa, isteri serta rakan-rakan yang banyak memberi dorongan dan pertolongan. Beliau percaya bahawa usaha mencapai kecemerlangan kerja merupakan satu perjalanan dan bukannya satu destinasi.





**Erdalia Erna Binti Hj Daud**  
**Penolong Pegawai Tadbir,**  
**Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi**

Usia perkhidmatan Erdalia bersama FTMK telah menghampiri tahun ke tiga. Sebagai seorang Penolong Pegawai Tadbir yang diamanahkan untuk menguruskan bahagian Akademik di Fakulti, beliau telah memahami dan mempelajari selok-belok dari pelbagai aspek yang melibatkan peraturan, prosedur, tatacara dan pengurusan yang merangkumi pelbagai segi keperluan akademik yang sering digunakan dalam urusan pentadbiran

Sepanjang perkhidmatan beliau di Fakulti, beliau telah mengesan pelbagai kekurangan dalam melaksanakan pengurusan akademik. Walaupun beliau tidak berpengalaman dalam bidang ini, namun beliau tidak malu untuk belajar dari bawah dan tidak ragu-ragu melakukan perubahan di bawah bimbingan dan perkongsian idea bersama Timbalan Dekan (Akademik) pada ketika itu. Melalui penelitian yang dilakukan, maka lahirah pelbagai idea-idea terutama sekali melibatkan penambahbaikan Sistem Maklumat Pelajar (SMP), mengesan pelbagai ketidakakuran staf dan pelajar dalam Peraturan Akademik, menyelesaikan kekeliruan antara pelajar dengan Jabatan-jabatan lain serta banyak lagi. Beliau juga telah banyak membantu pihak pentadbiran fakulti mengelola dan mengurus pelbagai bengkel penambahbaikan kurikulum yang telah dilaksanakan di sepanjang tahun 2005.

Di peringkat Fakulti, beliau merupakan salah seorang Ahli Jawatankuasa Khidmat Masyarakat yang secara langsung terlibat dengan pelbagai aktiviti kemasyarakatan seperti menjadi pembantu pengajar dalam beberapa siri program literasi IT yang dijalankan di sekolah-sekolah rendah dan menengah sekitar daerah Melaka Tengah. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Kelab Staf FTMK. Di peringkat Universiti pula, beliau mewakili Fakulti membantu Bahagian Pengurusan Akademik mengendalikan Majlis Konvokesyen Pertama dalam urusan penyerahan jubah dan transkrip pelajar.

Menurut beliau, teman-teman adalah pemangkin kejayaan dan keluarga adalah sumber inspirasi. Tanpa kedua-duanya maka tiadalah 'Anugerah' untuk dikongsi bersama pada hari ini. Pesanan beliau kepada rakan-rakan melalui falsafah Zig Zaglar, "you can get everything in life you want, if you help enough other people get what they want."







Othman bin Mohd  
Pensyarah Kanan,  
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Othman bin Mohd memulakan tugas sebagai Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi pada Julai 2003. Sepanjang perkhidmatannya di KUTKM, beliau telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2004. Berbekalkan pengalaman yang beliau perolehi daripada agensi kerajaan dan swasta, ianya banyak membantu beliau khususnya di dalam menjalankan tugas yang disandang pada masa kini.

Selain menjalankan tugasnya sebagai seorang Pensyarah dan kerja-kerja pentadbiran, beliau juga terlibat di dalam aktiviti perundingan dan khidmat masyarakat di antaranya ialah *Security Posture Assessment* bagi Kementerian Kesihatan Malaysia. Beliau juga terlibat di dalam beberapa Jawatankuasa di peringkat Fakulti mahupun Universiti, antara Jawatankuasa di peringkat Fakulti termasuklah Jawatankuasa Eksekutif Fakulti, Jawatankuasa Akademik Fakulti, Jawatankuasa Infrastruktur Fakulti dan beberapa Jawatankuasa lain. Manakala di peringkat Universiti, beliau terlibat dengan Jawatankuasa Penentuan Teknikal Tender Universiti dan di peringkat Negeri pula, beliau terlibat dengan Jawatankuasa Kecil IAPG.

Beliau juga melibatkan diri di dalam beberapa acara sukan dan mewakili fakulti di dalam pertandingan sukan yang telah dianjurkan oleh pihak Universiti.

Sekiranya dinilai dari segi sumbangan, Othman merasakan belum cukup layak bagi beliau untuk menerima anugerah ini. Walau bagaimanapun, beliau bersyukur dengan apa yang dikurniakan oleh Allah. Beliau merasakan anugerah ini bukan saja untuk dirinya bahkan ianya ingin dikongsi bersama keluarga dan rakan-rakan sekerja di FTMK kerana sokongan, kerjasama dan kepercayaan yang diberikan oleh mereka kepada beliau di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.





**Professor Madya Dr. Nanna Suryana Bin Herman  
Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah),  
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

Dr. Nanna Suryana Herman memulakan tugas pada Disember 2004 sebagai Professor Madya, dan sebagai Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah) di FTMK. Pengalaman yang beliau lalui dalam mengendalikan kursus, sebagai pengarah dan penyelidik dalam bidang teknologi termaju, pengurusan projek antarabangsa di Sepanyol, Portugal, Honduras dan Brazil ditaja oleh European Commission (EC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) banyak membantu beliau dalam melaksanakan tugas sebagai kakitangan akademik di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Selain tugas-tugas pentadbiran sebagai Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah), beliau terlibat secara aktif dalam menjalankan beberapa projek penyelidikan dan telah menjalin inisiatif kerjasama dalam program pengantarabangsaan dengan beberapa buah universiti di Malaysia (UTM, UPM dan UM) serta beberapa universiti terkemuka di Belanda, Jerman, Greece, Bulgaria, Thailand, Indonesia dan UK.

Dr. Nanna Suryana Herman juga aktif dalam mengembangkan kertas kerja Dana Sains (*Science Fund*) yang ditaja oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Pada tahun 2005, beliau telah membentangkan dan menerbitkan beberapa kertas kerja hasil penyelidikan dalam persidangan dan jurnal di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dalam waktu yang terdekat, beliau akan menerbitkan sebuah buku Pangkalan Data yang ditaja oleh penerbit terkemuka di UK dan Belanda. Beliau juga aktif dalam penyeliaan pelajar-pelajar peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah. Beliau juga telah dilantik sebagai panel penilai kepada beberapa orang pelajar siswazah di KUTKM dan juga universiti luar.

Beliau juga bergerak aktif di dalam beberapa organisasi profesional antarabangsa seperti IGU, IEEE, IASTED, NGI, Open GIS Consortium dan PII. Disamping itu, beliau juga telah dilantik sebagai panel penilai untuk beberapa jurnal antarabangsa serta sebagai penceramah jemputan di beberapa persidangan antarabangsa. Bagi program pengantarabangsaan, beliau secara aktif terlibat dalam mempromosikan KUTKM di peringkat Asia dan Eropah khususnya dalam meningkatkan kepercayaan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pendidikan mereka di KUTKM. Beliau juga aktif merintis kerja perundingan pembangunan e-Kutai untuk Kabupaten Kutai Kartanegara di Kalimantan Timur.

Menurut Dr. Nanna Suryana Herman, anugerah ini ingin dikongsi dengan keluarga dan rakan-rakan sekerja di FTMK. Dorongan dari semua mereka dan keluarga banyak memberikan citra warna prestasi kerja beliau selama ini.







## Zakiah Ayop Pensyarah, Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi

Zakiah telah memulakan tugasnya sebagai tutor pada Jun 2001. Sejurus menamatkan pengajian di peringkat sarjana di Universiti Putra Malaysia pada Mei 2003, beliau menyambung khidmatnya kepada KUTKM di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi sebagai pensyarah.

Beliau telah dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kandungan pengajaran dan mengajar subjek-subjek seperti Kemahiran Komputer, Pengaturcaraan Komputer, Komunikasi Data dan Rangkaian, Rangkaian Komputer Meluas dan Keselamatan Teknologi Maklumat yang ditawarkan oleh FTMK. Beliau juga bertanggungjawab sebagai Penasihat Akademik, penyelia PSM dan Latihan Industri.

Zakiah telah dilantik sebagai Penyelaras Diploma dan tugas beliau adalah menyelia dan mengurus struktur kurikulum Diploma, mengurus hal-hal akademik pelajar Diploma dan mengurus subjek servis kepada fakulti-fakulti lain. Beliau telah menganjurkan tiga Bengkel Pemantapan dan Penilaian Semula Kurikulum Diploma bagi menilai dan memantapkan struktur kurikulum Diploma Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Selain itu, beliau juga merupakan sebahagian daripada jawatankuasa akreditasi yang mana beliau bertanggungjawab menyediakan dokumen Jaminan Kualiti program Diploma bagi mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Beliau juga merupakan salah seorang pengajar kursus persijilan professional Cisco Certified Network Associates (CCNA) yang ditawarkan kepada pelajar dan staf akademik FTMK, staf KUTKM dan juga orang luar.

Beliau ingin berkongsi anugerah ini bersama dengan keluarga dan warga FTMK. Dorongan dan cabaran dari mereka menjadi pemangkin kejayaannya serta menyuntik semangatnya untuk terus berusaha dengan lebih cemerlang.





**Zulkiflee bin Muslim**  
**Pensyarah,**  
**Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi**

Zulkiflee telah melaporkan diri selaku warga KUTKM pada Februari 2002 sebagai Tutor. Selepas menamatkan pengajian di peringkat Sarjana di University of Central England (Birmingham) pada 2005, beliau meneruskan khidmatnya kepada KUTKM di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK).

Selaku pensyarah, beliau telah dipertanggungjawabkan untuk menggubal dan mengajar subjek (Rangkaian Komputer Tanpa Wayar dan Komputeran Mudah Alih) yang baru pertama kali ditawarkan kepada pelajar tahun akhir FTMK.

Beliau telah dilantik sebagai Pengurus Makmal FTMK dan telah berjaya menganjurkan Bengkel Infrastruktur yang telah menghasilkan dokumen yang lengkap mengenai prosedur dan borang ISO bagi melicinkan pengurusan makmal FTMK. Beliau juga telah terlibat secara langsung dalam proses perpindahan makmal di mana melibatkan kewujudan 10 makmal baru daripada 27 makmal iaitu, Makmal Dot Net, Makmal Keselamatan, Makmal Rational Rose, Makmal Macintosh, Studio Audio Video, Makmal Pangkalan Data 2, Makmal Sistem, Makmal Bengkel dan Makmal CCNP.

Zulkiflee juga terlibat dalam khidmat perundingan kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia di Kuala Lumpur dan merupakan salah seorang pengajar bertauliah kursus persijilan professional Cisco Certified Network Associates (CCNA).

Beliau berharap penganugerahan ini menjadi sumber inspirasi kepada rakan-rakan sekerja untuk terus meningkatkan prestasi kerja masing-masing pada masa akan datang.





**Khairulnizam bin A. Rahman**  
**Juruteknik,**  
**Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

Khairulnizam mula berkhidmat di KUTKM pada 1 Februari 2002 di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Dengan mengamalkan semangat kerja berpasukan dan pengalaman bekerja di sektor perindustrian sedikit sebanyak dapat dipraktikkan dalam menjalankan tugas beliau sebagai seorang juruteknik dan terlibat secara langsung di dalam membantu pensyarah bagi proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat Fakulti mahupun Universiti.

Di peringkat Fakulti, beliau sering terlibat di dalam jawatankuasa bagi menjalankan kursus-kursus yang dianjurkan seperti Kursus Komputer untuk anak-anak yatim dan murid sekolah rendah. Aktif di dalam sukan, antaranya mewakili FTMK di dalam Pesta Sukan Staf di dalam acara tarik-tali, bolasepak, sepak takraw serta bola tampar. Beliau pernah mewakili KUTKM ke Sukan Staf Universiti Malaysia dan juga menjadi Ahli Jawatankuasa Kelab Staf FTMK. Beliau terlibat secara langsung di dalam pengwujudan Sistem e-Inventori Makmal bagi menguruskan peralatan makmal.

Menurut Khairulnizam, anugerah ini bukan dari hasil diri sendiri tetapi adalah dorongan daripada rakan sekerja dan keluarga.





**Prof. Madya Dr. Hajjah Hanipah binti Hussin**  
**Dekan, Pusat Perkhidmatan Akademik**

Dr. Hanipah Hussin menyoal anda, Mengapa selalu ditanya pada suatu kehadiran itu? Apakah dalam kehadiran akan selalu ada kewujudan? Mengapa dikejar pangkat dan harta? Adakah di dalamnya penuh kekayaan? Kalau pada satu hari saya berkerja dan tekun hingga malam, itukah tanda keberkatan? Pasti ada beza antara diam dan berfikir.

Beliau mendapat PhD dalam bidang Teaching and Curriculum dari University of Sydney, Australia pada Mach 1999. Bersama pengalaman yang sarat hampir 20 tahun, dari Bahagian Pendidikan Guru, beliau memulakan tugas baru di Pusat Perkhidmatan Akademik pada 01 Ogos 2002. Tidak lama di sana pada 01 Oktober 2002 Unit Ko-Kurikulum ditubuhkan dan pada 01 November 2004 beliau kembali bertugas semula di PPA sebagai Timbalan Dekan di PPA. Beliau bersama pensyarah-pensyarah di PPA telah mengembling tenaga bagi menjayakan penghasilan MODUL dan BUKU, menjalankan pelbagai seminar, bengkel dan kolokium untuk penuntut dan pensyarah. Beliau telah diberi kepercayaan dan dilantik sebagai Dekan PPA.

Sumbangan beliau kepada KUTKM yang paling berkesan adalah kepada PPA sebagai penasihat bagi semua program dan jawatankuasa dan sebagai penceramah tetap dalam pengkaedahan P&P. Sumbangan beliau di peringkat Negara pula adalah sebagai penceramah Action Research dan Pemikiran Refleksi. Manakala di peringkat Negeri Melaka, Dr Hanipah telah banyak menyumbang di IKSEP, ISMMA, DMDI, NGO's dan Firma Industri sebagai panel perunding Human Resources.







**Ernawatie Hj.Md.Sah**  
**Penolong Pendaftar, Pusat Perkhidmatan Akademik**

Tanggal 4 Februari 2003 pada hari Isnin, merupakan tarikh keramat Ernawatie Hj. Md. Sah melaporkan diri di KUTKM sebagai Penolong Pendaftar dan telah ditempatkan di Unit Penerbitan. Di bawah bimbingan Ketua Jabatan Penerbitan, beliau telah banyak didedahkan dengan pelbagai teknik dan gaya penerbitan. Ini merupakan pengetahuan dan pengalaman baru yang diperolehi. Rakan sejawat di Unit Penerbitan adalah mereka yang amat mementingkan ikatan silaturrahim yang jitu..

Pada 1 November 2004, beliau meneruskan kerjayanya di Pusat Perkhidmatan Akademik (PPA). Bagi Ernawatie, tugas beliau sebagai Penolong Pendaftar di PPA merupakan satu tanggungjawab berat yang harus dipikul dengan penuh amanah, jujur dan telus. Beliau berasa sungguh beruntung kerana sentiasa mendapat sokongan Dekan dan Timbalan Dekan (Akademik) dan rakan-rakan yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, kerjasama dan pertolongan yang tidak berbelah bagi hingga membolehkannya menjalankan tanggungjawab dengan jayanya. Setiap kali diberikan tugas dan kepercayaan, beliau akan melaksanakannya dengan penuh komitmen dan menganggapnya sebagai satu amanah. Keikhlasan hati dalam bekerja tanpa mengharapkan apa-apa balasan di dunia ini adalah kunci utama dalam mencapai keredhaan Allah s.w.t.

Ernawatie juga turut terlibat sama ada secara langsung, mahupun tidak langsung dalam beberapa program anjuran universiti di antaranya sebagai AJK sambutan dalam konvokesyen., Pengerusi Badan Kebajikan Staf PPA (FAMOCAS), AJK Penubuhan TASKA KUTKM dan ahli Kelab Gamelan.

Ernawatie merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh keluarga PPA di atas segala sokongan dan tunjuk ajar yang diberikan. Walau apa pun yang beliau lakukan, kejayaan tanpa kerjasama, sokongan padu dan persaudaraan tulus seperti yang diamalkan di PPA. Justeru itu, beliau ingin berkongsi anugerah dan rezeki yang dikurniakan ini dengan semua staff PPA, rakan-rakan Penolong Pendaftar yang sentiasa bersama suka dan duka. Semoga ianya akan menjadi pendorong kepada kejayaan bersama yang lebih CEMERLANG, GEMILANG dan TERBILANG.





**Noralisa binti Ramlee**  
**Pembantu Tadbir (Kewangan), Pusat**  
**Perkhidmatan Akademik**

Memulakan tugas di KUTKM pada April 2004 sejeurus menamatkan pengajian Diploma dalam bidang Pengurusan Perniagaan di Kolej Yayasan Alor Gajah bagi Program Usahasama Universiti Teknologi. Beliau telah banyak mengikuti aktiviti-aktiviti di peringkat Universiti.

Di Samping itu, Norlisa telah mengikuti kursus – kursus yang berkaitan dengan bidang tugas Norlisa bagi memamatkan lagi pengetahuan dan kemahiran dalam tugas hakiki yang dilaksanakan. Antaranya ialah Kursus Pengurusan Fail & Surat – Menyurat, Kursus Bahasa Inggeris, Kursus Kawalan Buku Vot, Kursus Bina Sahsiah Insan Kumpulan Sokongan I & II, Dan Kursus Pengukuhan Nilai Dan Etika Pembangunan Sahsiah Staf Pejabat Bendahari, KUTKM.

Bagi Norlisa sumbangan dan khidmat yang dicurahkan adalah ikhlas demi menjadikan KUTKM sebagai sebuah institusi yang Cemerlang, Gemilang dan Terbilang. Pada kesempatan ini beliau ingin mengucapkan terima kasih kepada semua staf Pusat Perkhidmatan Akademik khususnya kepada Dekan kerana banyak memberikan kerjasama, tunjuk ajar serta teguran yang membina sehingga beliau mampu melaksanakan tugas dengan cemerlang serta kepada ahli keluarga yang banyak memberi dorongan dan sokongan.







**Hj. Ismail Bin Abdol Jalil**  
**Ketua Jabatan / Pensyarah Kokurikulum,**  
**Pusat Perkhidmatan Akademik**

Hj. Ismail memulakan tugas sebagai pensyarah pada 1 Jun 2004 setelah berpindah daripada Jabatan Pendidikan Melaka. Pengalaman beliau sebagai seorang guru, Penyelaras Kokurikulum Sekolah, Penolong Kanan Kokurikulum dan Ketua Unit Kokurikulum Jabatan Pendidikan Melaka telah membolehkan beliau diberi kepercayaan dilantik sebagai Ketua Jabatan Kokurikulum di KUTKM pada 1 November 2004.

Sebagai Ketua Jabatan Kokurikulum, beliau bertanggungjawab mengemas kini dan memantapkan lagi kurikulum, pengurusan dan pentadbiran kokurikulum. Beliau telah berjaya menganjur dan menjadikan Hari Mercu Kokurikulum sebagai satu wadah menampilkan kemahiran insaniah (*soft skills*) pelajar.

Beliau dilantik sebagai Ketua Unit Multimedia PPA dan Jawatankuasa Pengisian Program PPA serta beberapa jawatankuasa tertentu di PPA. Di peringkat Universiti pula, beliau telah diberi kepercayaan dan dilantik sebagai AJK Teknikal Pelan Integriti Nasional, Jawatankuasa Penubuhan PALAPES, Jawatankuasa Pelaksana Pesta Konvokesyen, Pengerusi Biro Persembahan dan Pertunjukan Pesta Konvokesyen dan Penilai Spesifikasi Teknikal Tender Peralatan Orkestra KUTKM. Beliau juga berkhidmat sebagai Jurulatih Pasukan Hoki Wanita KUTKM dan berjaya membawa pasukan tersebut ke peringkat separuh akhir Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (MASUM). Ini merupakan pencapaian tertinggi bagi sukan KUTKM. Selain itu, beliau turut memberi sumbangan dalam menjayakan aktiviti sambutan hari merdeka sebagai hakim pertandingan sajak dan lagu-lagu patriotik.

Hj. Ismail percaya, kesetiaan kepada organisasi, komitmen tinggi dan semangat kekitaan boleh membantu menjadikan seseorang itu terus cemerlang. Anugerah yang diberikan ini dianggap sebagai satu tanda penghormatan di atas kerjasama erat dan sokongan rakan sekerja khususnya kepada Jabatan Kokurikulum serta keluarga beliau. Hj. Ismail bersyukur kepada Allah SWT di atas anugerah ini dan sesungguhnya yang baik itu datang daripadaNya.





Noorli Binti Khamis  
Pensyarah, Pusat Perkhidmatan Akademik

Noorli memulakan perkhidmatan beliau di Pusat Perkhidmatan Akademik pada Jun 2004. Pengalaman yang ditimba dari kolej dan universiti swasta banyak membantu beliau menjalankan tugas beliau di KUTKM, terutama sekali dalam pembangunan silibus, penyediaan bahan pengajaran dan kertas peperiksaan.

Selain tugas pengajaran, beliau telah menjadi penceramah bagi kem-kem Bahasa Inggeris yang dianjurkan oleh fakulti-fakulti di KUTKM. Beliau juga telah menjadi pemeriksa untuk MUET *Speaking Test* di bawah kelolaan Jabatan Pelajaran Melaka. Sehubungan itu, beliau telah terlibat dalam pengendalian dan pengajaran bagi Kelas Persediaan MUET bagi pelajar dan staf KUTKM.

Di samping itu, beliau melibatkan diri dalam aktiviti penyelidikan termasuk penyelidikan jangka pendek. Beliau juga banyak melibatkan diri dalam pembentangan kertas kerja di beberapa seminar dan persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa di dalam bidang pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris bagi Sains dan Teknologi.

Di peringkat pusat pula, beliau dilantik sebagai ahli bagi jawatankuasa Penyelidikan PPA selama 2 tahun, selain pernah menjadi sebahagian jawatankuasa bagi Konvensyen Kebangsaan Kecemerlangan Sosial dan Pembangunan Komuniti anjuran PPA bersama Institut Sosial Malaysia (ISM) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Menurut beliau, anugerah yang diterima ini adalah diluar jangkaan. Walaubagaimanapun, beliau berasa amat gembira di atas penghargaan ini dan berterima kasih kepada keluarga dan rakan-rakan sekerja yang banyak membantu beliau selama ini.







**Sarinah bt. Hj. Abd. Jalil**  
**Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan),**  
**Pusat Perkhidmatan Akademik**

Sarinah mula berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) di Pusat Perkhidmatan Akademik semenjak 2001. Pengalaman kerja beliau sebelum ini banyak membantunya dalam melaksanakan kerja-kerja di pejabat. Segala kerjasama dan kepercayaan yang diberikan oleh Dekan serta rakan-rakan sepejabat banyak memainkan peranan khususnya dalam tugas seharian.

Tugas beliau sebagai Pembantu Khas Dekan, tidak membataskan beliau untuk turut melibatkan diri dalam program-program rasmi anjuran Universiti dan juga di dalam aktiviti sukan di mana beliau tidak melepaskan peluang untuk menyertai Kejohanan Sukan Antara Jabatan KUTKM dan juga Kejohanan Sukan Staf Interversiti.

Beliau bersyukur kepada Allah s.w.t. di atas nikmat kesihatan yang dikurniakan bagi membolehkannya terus bergiat aktif. Tidak lupa juga beliau mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah banyak menghulurkan kerjasama dan sokongan moral.

Semoga dengan anugerah ini, beliau akan lebih berinspirasi untuk terus memperbaiki segala kelemahan yang ada untuk menjadi lebih berhemah dan cemerlang.

Inilah azam yang tersemat:

**Toleransi sesama rakan sekerja**  
**Dedikasi bagi memastikan kualiti**  
**Selagi bos tak redha**  
**Tak akan saya berpuas hati**





Asmala bin Ahmad  
Pensyarah, Pusat Perkhidmatan Akademik

Asmala Ahmad percaya bahawa sesungguhnya tugas seharian akan menjadi cemerlang, gemilang dan terbilang apabila dilaksanakan dengan mentaati segala perintah Allah SWT dengan cara yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

Beliau memulakan kariernya di KUTKM pada 1 Jun 2003 sebagai pensyarah di Pusat Perkhidmatan Akademik (PPA). Dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, selain sebagai tenaga pengajar matapelajaran Fizik dan Matematik, beliau diamanahkan sebagai penyelarar matapelajaran Fizik peringkat diploma. Beliau juga telah dipertanggungjawabkan sebagai penyelarar Makmal Fizik 1. Beliau turut diberi kepercayaan sebagai AJK pengisian program Pusat Perkhidmatan Akademik. Beliau juga terlibat dalam penganjuran *National Seminar on Science and Its Application in Industry (SSASI)* dan *Seminar on Incorporating Handheld Technology For University Colleges*. Beliau merupakan ahli *Malaysian Remote Sensing Society (MRSS)*. Dalam masyarakat setempat, beliau telah dilantik sebagai AJK Tadika Kemas Ayer Keroh, Melaka di samping terlibat secara langsung dalam aktiviti kemasyarakatan yang lain.

Asmala juga terlibat dalam aktiviti penyelidikan di mana beliau merupakan ketua penyelidik bagi Geran Penyelidikan Jangka Pendek KUTKM. Selain menjalankan penyelidikan bersama dengan fakulti lain di KUTKM, beliau turut bekerjasama dengan para penyelidik luaran khususnya daripada MACRES, UTM dan UKM. Beliau juga telah membentangkan dua buah kertas penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di samping enam buah artikel beliau telah diterbitkan di dalam prosiding dan jurnal.

Asmala bersyukur kepada Allah SWT di atas penganugerahan ini dan yakin bahawa sebenarnya segala manfaat dan mudharat itu datang daripadanya. Menurut beliau, anugerah ini adalah hasil daripada sokongan padu keluarga di samping kerjasama erat rakan sekerja dan anugerah ini adalah milik semua khususnya staf di Jabatan Sains dan Matematik, Pusat Perkhidmatan Akademik.







**Emilia Ong Siaw Thien**  
**Penolong Pendaftar,**  
**Pusat Universiti – Industri (UNIC)**

Emilia Ong Siaw Thien memulakan perkhidmatan pada tahun 2004 sebagai Penolong Pendaftar di Pusat Perhubungan Korporat & Antarabangsa (PPKA) dan seterusnya di Pusat Universiti Industri (UNIC).

Emilia Ong telah diberi tanggungjawab dalam urusan Pentadbiran UNIC dan bidang Perhubungan Industri serta merangkumi bidang Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi dan bidang Perundingan pada peringkat awalnya. Emilia Ong telah membantu dalam penyediaan Kertas Cadangan Penubuhan KUTKM Holdings Sdn Bhd (KHSB), syarikat induk KUTKM. Beliau juga membantu dalam penyediaan Polisi & Garis Panduan Perundingan, satu bahan rujukan yang penting bagi staf KUTKM dalam menjalankan projek perundingan.

Emilia Ong membantu dalam menyelaraskan Program Latihan Industri KUTKM di peringkat universiti. Beliau menguruskan lawatan kerja ke industri dan lawatan kerja ke Universiti di luar negara dan juga merupakan urusetia bagi beberapa Jawatankuasa di peringkat universiti seperti Jawatankuasa Induk Pelaburan KUTKM. Beliau membantu dalam menganjur Kursus Kaedah Penyelidikan KUTKM serta menguruskan penerbitan 'Synergy Bulletin UNIC'.

Emilia mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugasnya dan sentiasa cuba meningkatkan kualiti kerja bagi merealisasikan visi dan misi Universiti.





**Ratnasaerah binti Azis  
Pembantu Tadbir (P/O),  
Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan**

“Syukur Alhamdulillah” ucapan pertama yang diucapkan oleh Ratnasaerah. Dengan penganugerahan ini beliau merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Pengurusan IPTK di atas kepercayaan dan tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang beliau bertugas bermula pada 8 Mac 2004.

Selain mempraktikkan pengalaman kerja yang ada, beliau juga memegang prinsip ikhlas dan amanah dalam menjalankan tugas yang diberi terutamanya dalam membantu pihak pengurusan melancarkan hal-hal berkaitan dengan Akademik bagi program Sarjana, PhD dan MBA. Beliau juga sering melibatkan diri dalam membantu urusan promosi dan pameran samada dari peringkat Jabatan atau Universiti.

Bagi memastikan laman web IPTK sentiasa dikemaskini dengan maklumat terkini, beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Laman WEB oleh pihak Pengurusan IPTK. Beliau tidak keberatan dalam menyumbang tenaga untuk menjayakan bengkel atau kursus yang diadakan oleh Jabatan. Selain itu beliau turut melibatkan diri dalam aktiviti di peringkat Universiti seperti bertugas di hari Konvokesyen KUTKM.

Justeru itu, dengan anugerah ini beliau menanamkan azam akan terus meningkatkan mutu kerja serta terus mempelajari sesuatu yang baru untuk kemajuan diri demi mencapai matlamat Organisasi selaras dengan visi dan misi KUTKM.







**Prof. Madya Dr. Zolkepli bin Buang**  
**Pengarah,**  
**Pusat Pengajaran Dan Pembelajaran**


Profesor Madya Dr. Zolkepli Bin Buang pernah menerima Anugerah Khidmat Cemerlang sebelum ini iaitu dalam tahun 2004 yang mana ketika itu beliau menyandang jawatan Dekan Pusat Perkhidmatan Akademik. Kini beliau sekali lagi dipilih sebagai penerima Anugerah ini pada tahun 2005 pula berdasarkan kecemerlangan perkhidmatan beliau sebagai Pengarah Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP).

Menerajui sebuah Pusat Tanggungjawab yang baru merupakan tanggungjawab yang mencabar kerana beliau perlu merangka kertas konsep penubuhan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran bagi pihak universiti hingga mendapat kelulusan Jabatan Pengajian Tinggi. Sebagai Pengarah di PPP beliau dipertanggungjawabkan untuk membuat perancangan keseluruhan bagi aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan kemahiran tersebut di kalangan staf-staf akademik KUTKM.

Sebanyak 18 kursus peringkat asas, pertengahan dan kursus lanjutan untuk staf akademik telah dirancang bagi sepanjang tahun 2005/6 ini termasuklah bengkel bagi program 'Training of Trainers'. Beliau telah dilantik mewakili universiti dalam Jawatankuasa Penggubalan Modul Asas Pengajaran dan Pembelajaran yang ditubuhkan oleh Jabatan Pengajian Tinggi dan juga Pembinaan Modul Kemahiran Insaniah (Softskills) yang baru dilancarkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi.

Pada tahun 2005, Dr. Zolkepli telah mendapat geran penyelidikan jangka pendek yang bertajuk '*Penilaian Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran yang Dikendalikan oleh Pensyarah KUTKM*'. Beliau juga telah membentangkan hasil penyelidikan dalam '*Seminar Pencapaian Penyelidikan KUTKM 2005: Enhancing Research for Excellence*' anjuran UNIC, KUTKM.

Dalam khidmat masyarakat beliau telah banyak menyumbangkan idea dan pandangan menerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru -Guru Sekolah serta kepada Jawatankuasa Kemajuan Kampung peringkat Daerah/ Kawasan Masjid Tanah, Melaka. Beliau boleh dianggap seorang aktivitis masyarakat yang memperjuangkan masa depan bangsa, agama dan negara.






**Rais bin Mahat  
Penolong Pegawai Seni Reka,  
Penerbit Universiti**

Rais bin Mahat telah memulakan kerjayanya di KUTKM pada 11 Jun 2001 sebagai Pereka di Unit Media Grafik, Jabatan Penerbitan. Berdasarkan kemampuan beliau menjalankan tugas dan prestasi yang baik sepanjang tempoh perkhidmatan, beliau telah dinaikkan ke jawatan Penolong Pegawai Seni Reka bermula pada 18 April 2006 dan di tempatkan di Unit Multimedia, Penerbit Universiti.

Beliau banyak menghasilkan karya grafik bagi kulit buku, risalah, bunting, banner dan pelbagai produk yang dihasilkan oleh Penerbit Universiti dan juga bagi program-program yang dianjurkan di KUTKM.

Di samping itu, beliau mempunyai motivasi yang tinggi untuk terus mendalami bidang multimedia melalui penghasilan website, penyuntingan video aktiviti dan video korporat dan sebagainya. Beliau rajin mempelajari perisian-perisian baru untuk kegunaan multimedia dan seterusnya mengaplikasikan pengetahuan tersebut untuk mengeluarkan hasil-hasil yang menarik.

Menurut beliau, anugerah yang diperoleh ini bukanlah hasil usaha dirinya sahaja tetapi juga berkat dorongan dan tunjuk ajar rakan sekerja lain yang banyak meluangkan masa memberi penerangan dan bantuan hingga beliau mampu melaksanakan tugas dengan baik.







**Marsitah binti Abu Bakar  
Pembantu Tadbir (P/O),  
Pusat Jaminan Kualiti & Akreditasi**

Marsitah amat bersyukur ke hadrat Allah swt. dengan pengiktirafan yang diberikan kepada beliau sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2005.

Beliau mengucapkan jutaan terima kasih dikalungkan terutamanya kepada Pengarah Pusat Jaminan Kualiti & Akreditasi yang telah banyak memberi semangat dan pengajaran serta dorongan kepada beliau di dalam memikul tanggungjawab sebagai staf di bawah pimpinannya. Juga terima kasih kepada semua staf PJKA yang sama-sama membantu di dalam menjayakan tugas seharian beliau.

Anugerah yang diberikan akan menjadikan satu inspirasi dan kekuatan bagi beliau untuk terus berkhidmat kepada Pusat Tanggungjawab dan KUTKM. Anugerah ini merupakan satu hadiah yang amat berharga kepada beliau sebagai seorang staf yang bernaung di bawah Pusat Jaminan Kualiti & Akreditasi yang memikul tanggungjawab ke arah mengekalkan Persijilan MS ISO 9001:2000 yang telah diiktiraf persijilan pada 4 Februari 2005 dan ke arah Pengiktirafan Program Kejuruteraan (Diploma & Ijazah) di KUTKM. Mengamalkan prinsip '**Biar saya dibebani dengan banyak kerja tetapi JANGAN tiada bebanan kerja**' adalah cabaran utama dan kekuatan beliau di dalam memikul tanggungjawab sebagai seorang warga KUTKM dan ke arah kejayaan ini.

Marsitah berharap semoga dengan menerima anugerah ini akan memberi semangat dan kecekan yang berterusan di dalam mengekalkan prestasi kerja beliau. Anugerah ini juga dikongsi untuk semua warga Pusat Jaminan Kualiti & Akreditasi kerana tanpa mereka kejayaan ini tidak akan beliau perolehi.





Ruzaiman bin Abdul Rahman

Penolong Pegawai Tadbir,

Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa

Ruzaiman memulakan perkhidmatan di KUTKM pada 2 Julai 2001 setelah berkhidmat di UTM selama 15 tahun. Beliau merupakan salah seorang staf yang terawal menyertai KUTKM. Selama di KUTKM beliau telah banyak berkhidmat dalam bidang Perhubungan Awam sehingga tertubuhnya Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa, di mana beliau di tempat sehingga kini.

Antara tugas utama beliau ialah mengadakan dan menyertai promosi serta pameran di seluruh negara bagi memperkenalkan KUTKM sebagai salah sebuah IPTA pilihan pelajar-pelajar. Antara tempat tumpuan pameran dan promosi ialah di Kolej-Kolej Matrikulasi, Politeknik, Sekolah-sekolah serta Pameran dan Karnival Kerjaya anjuran pihak kerajaan dan swasta.

Beliau juga menguruskan lawatan-lawatan pihak luar ke KUTKM terutama dari sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi dan badan-badan bukan kerajaan. Beliau juga membantu Universiti dalam perhubungan dengan pihak media terutama untuk mengeluarkan berita dan informasi berkaitan aktiviti-aktiviti di KUTKM untuk siaran di media massa. Beliau juga banyak membantu dalam setiap penganjuran upacara rasmi Universiti dari segi protokol, publisiti serta jemputan.

Selain tugas-tugas pentadbiran, Ruzaiman juga merupakan ahli sidang redaksi bagi Majalah Momentum dan Buku Laporan Tahunan Universiti. Beliau turut dilantik sebagai salah seorang Pemeriksa Kira-Kira bagi BAKUTKM dan juga Pengerusi Kelab Kebajikan Staf PPKA. Bakat kesenian dan kebudayaan mengalir dalam tubuhnya. Beliau bukan sahaja seorang pemain Kumpulan Gamelan KUTKM, malah dilantik sebagai pengajar dan jurulatih kumpulan tersebut. Dalam bidang sukan pula, beliau sering mewakili jabatannya dalam acara bola sepak dan bola tampar dan turut menyertai pasukan bola sepak veteran KUTKM.








**Siti Roheizah binti Mohni**  
**Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan),**  
**Pejabat Perpustakaan**

Siti Roheizah merupakan antara kumpulan staf yang menyertai KUTKM sejak awal lagi iaitu pada 2 Mei 2001. Sepanjang karier beliau sebagai Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) di Pejabat Perpustakaan, beliau amat disenangi oleh penyeliaanya kerana komitmen yang tinggi yang ditunjukkan terhadap tanggungjawab yang diberikan serta kecekapannya melaksanakan tugas. Tugas-tugas harian yang dilakukan adalah termasuk membantu menyelaraskan jadual harian Ketua Jabatannya, memudahkan perhubungan pihak luar dengan Ketua Jabatan dan membantu Ketua Jabatan dalam tugas-tugas pentadbiran harian di Pejabat.

Siti Roheizah banyak terlibat dalam menjayakan majlis-majlis rasmi Universiti terutama sebagai ahli Jawatankuasa Pelaksana. Antaranya ialah Majlis Konvokesyen Universiti, Majlis Berbuka Puasa Bersama Canselor KUTKM, Hari Keluarga KUTKM dan lain-lain lagi.





**Zulkarnaen bin Mahat  
Pembantu Perpustakaan,  
Pejabat Perpustakaan**

Zulkarnaen telah mengendalikan perkhidmatan kaunter di Pejabat Perpustakaan dengan menggunakan modul Sirkulasi Sistem ILMU. Sentiasa berhadapan dengan karenah pelanggan memang mencabar namun demi komitmen beliau kepada perkhidmatan awam, beliau sentiasa bersabar menghadapinya. Antara tugas-tugas rutin beliau di Perpustakaan ialah menyusun buku dan majalah di rak yang sepatutnya serta melakukan bacaan rak. Tugas beliau juga ialah mengendalikan bahan-bahan berjilid serta menyemak agar bahan-bahan bacaan berada dalam keadaan baik. Beliau perlu menyemak stok peralatan staf untuk keperluan Unit Sirkulasi. Beliau turut dipertanggungjawabkan untuk menyemak dan menyerahkan wang kutipan daripada kaunter Sirkulasi ke Unit Pentadbiran.

Zulkarnaen turut menyumbang keringatnya dalam bidang sukan di peringkat Universiti. Beliau merupakan salah seorang pemain pasukan sepak takraw Universiti dalam Kejohanan Sukan Antara Universiti Malaysia. Beliau turut mewakili jabatannya dalam beberapa bidang sukan yang dipertandingkan dalam Kejohanan Sukan Antara Jabatan KUTKM.





**Kamariah binti Khamis  
Pembantu Perpustakaan,  
Pejabat Perpustakaan**

Kamariah memulakan perkhidmatan beliau di KUTKM pada 2 Jun 2003. Pada masa ini beliau bertugas di Unit Pengindeksan. Sebagai Pembantu Perpustakaan Unit berkenaan, tanggungjawab beliau meliputi menyemak rekod bibliografi pengkalan data atas talian dari sumber-sumber yang dikenal pasti untuk mendapatkan data berkaitan bagi indeks buku CIP/*copy cataloging* menggunakan Paramips. Beliau perlu mengindeks dan memasukkan data buku CIP/*copy cataloging* dan naskhah tambahan ke dalam modul pengindeksan pengkalan data ILMU. Dalam melaksanakan tugas ini, beliau seboleh-bolehnya perlu menjalin maklumat CIP tanpa kesalahan. Beliau juga bertanggungjawab untuk mengindeks bahan audio visual yang melampiri teks bagi buku CIP/*copy cataloging* ke dalam pengkalan data ILMU. Di samping itu, beliau turut bertugas di bilik percetakan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Di Pejabat Perpustakaan, Kamariah telah dilantik sebagai Bendahari Kelab LISTAC iaitu Kelab Staf-staf Perpustakaan. Beliau juga sebenarnya berkebolehan dalam bidang sukan dan telah mewakili jabatannya dalam sukan bola tampar dan bola jaring semasa Kejohanan Sukan Antara Jabatan KUTKM.



## SENARAI NAMA PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2006 YANG SEDANG BERPUTI BELAJAR

1. Jeefferie bin Abd. Razak  
Pensyarah, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan.
2. Albert Feisal @ Muhd Feisal bin Ismail  
Pensyarah, Pusat Pengajian Siswazah.



اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



“ Kualiti Ke Arah Kecemerlangan “

**ANUGERAH  
KECEMERLANGAN KHAS  
(SUKAN)**

اونيورسيتي ينيورسي تيكنيكل ماليزيا ملاك  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## Sukan Sepak Takraw

Sukan sepaktakraw yang dahulunya dikenali sebagai sepakraga adalah satu acara sukan turun temurun yang dimainkan oleh bangsa Melayu. Ia merupakan satu sukan yang unik kerana mempunyai kesenian dan ketangkasan menjadi keutamaan dalam permainan.

Di KUTKM, permainan sepaktakraw telah diwujudkan pada pertengahan 2003 memandangkan ramai staf Universiti yang berbakat dan berpengalaman. Selain itu, pihak pengurusan Universiti berpendapat bahawa pasukan sepak takraw mempunyai peluang yang tinggi serta dapat berperanan mengharumkan nama Universiti pada masyarakat luar.

Sepanjang penubuhan pasukannya, pasukan ini telah dipimpin oleh empat orang pengurus bermula dengan Mohd Marwan Bin Abu Kasim pada tahun 2003, Bakri Bin Abu Bakar (2004), Ahmad Jawahir Bin Tugiman (2005) dan Abdul Wahid Bin Sulaiman (2006). Silih gantinya pengurus-pengurus ini, menjadi satu kelebihan kepada pasukan takraw KUTKM, kerana segala kepakaran dan tunjuk ajar mereka, menjadikan para pemain mampu menunjukkan kehebatan yang mantap.

Antara barisan pemain takraw yang pernah mengharumkan Universiti ialah Najib Bin Abdullah, Ahmad Affendy Bin Mohamed Sani, Fazrol Bin Othman, Mohammad Hadzri Bin Ahmad, Abdul Rahman Bin Kamis, Saharudin Bin Puteh, Johardi Bin Abdul Jabar, Razali Bin Kasim, Zulkarnean Bin Mahat, Azhar Shah Bin Abu Hassan, Suhaime Bin Hashim, Mohd Sallehin Bin Othman, Mohd Raduan Bin Khalil, Mohd Ridzuan Bin Jamaludin, Mohd Nizam Bin Said, dan Nik Syukran Muiz Bin Rashid. Barisan pemain ini silih bertukar ganti di sebabkan pemilihan pemain dinilai berdasarkan pencapaian dan prestasi ketika pemilihan dijalankan setiap tahun.

Antara kejohanan yang pernah disertai ialah Sukan Staf Antara Universiti-universiti Malaysia, Sukan badan Berkanun, Sukan Melaka, Karnival Sukan CUBIC, dan juga kejohanan-kejohanan terbuka yang dianjurkan oleh agensi-agensi tertentu pada setiap tahun. Pencapaian yang paling membanggakan ialah menjadi johan tiga tahun berturut-turut dalam Sukan Melaka Peringkat IPT iaitu pada 2004 hingga 2006. Selain itu menjadi johan pada kejohanan terbuka anjuran UMNO Bahagian Alor Gajah (2003), johan pada kejohanan terbuka Piala Datuk Hamid Bin Nordin (2004), naib johan pada kejohanan terbuka MPSJ (2005) dan juga johan pada Karnival Sukan CUBIC (2004 – 2006).

Rahsia kejayaan pasukan dalam usia yang muda ialah latihan yang berterusan sepanjang tahun, selain, sering menyertai pertandingan persahabatan bagi menjalin persefahaman antara pemain dan regu. Pasukan ini juga mengamalkan budaya semangat kekeluargaan agar tidak ada perselisihan faham antara pemain, jurulatih dan pengurus.

Di sebalik kejayaan yang tersebut, pasukan sepak takraw KUTKM mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan Universiti dan juga seluruh warga Universiti yang telah memberi dorongan dan sokongan yang kuat selama ini. Mereka berazam untuk menjadi satu komuniti yang dapat dijadikan contoh sama ada dari segi sosial ataupun dari segi tanggungjawab dan tugas yang diamanahkan oleh pihak pengurusan Universiti.



Anugerah Kecemerlangan Khas (Sukan)  
**SUKAN SEPAK TAKRAW 2006**

